NO. SOALAN : 257

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**[ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN** :

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

a. Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dengan pihak kementerian dalam program-program di kawasan Parlimen Sibu dari 7 Mei 2010 hingga 16 Mei 2010; dan

b. Perincian kos yang ditanggung dari kos perjalanan, penginapan dan elaun bertugas luar kawasan bagi pegawai kementerian dan agensi termasuk Menteri dan isteri bagi tempoh tersebut.

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos perbelanjaan Pilihan Raya Kecil P.212 Sibu yang diperuntukkan kepada SPR adalah sebanyak RM 1,000,000.00. Peruntukan perbelanjaan tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan-keperluan seperti kos latihan kepada petugas-petugas pilihan raya, bayaran lebih masa kepada para petugas, bayaran sewa dan bil-bil telefon, sewaan, bahan-bahan makanan, bekalan bahan mentah, bekalan pejabat, pengangkutan, perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain.

Bagaimanapun, terdapat pelbagai pihak yang terlibat secara langsung di dalam proses pilihan raya termasuk pihak-pihak berkuasa dan jabatan-jabatan di bawah kementerian yang berlainan. Perbelanjaan oleh pihak-pihak tersebut tidak dapat ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Sekian, terima kasih.

NO: 258

# SIDANG DEWAN RAKYAT

## MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

## PARLIMEN KEDUA BELAS

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]**

**SOALAN : 258**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan

(a) kriteria-kriteria yang diambil kira dalam penganugerahan status MSC Cybercentre kepada UOA untuk bangunan-bangunan kepunyaan syarikat tersebut di Kerinchi; dan

(b) anggaran kenaikan nilai hartanah setelah penganugerahan tersebut diberikan serta kelebihan pendapatan Kerajaan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Dalam memberi penganugerahan status MSC Malaysia kepada lokasi-lokasi MSC Malaysia *Cybercity* dan *Cybercentre* yang dicadangkan, termasuk di Kerinchi, pelbagai kriteria dan faktor akan dinilai. Kriteria ini termasuk pengukuran tahap kesediaan lokasi tersebut untuk membangunkan ICT sebagai satu sektor ekonomi berdaya maju. Kriteria-kriteria utama yang telah ditetapkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

i. MSC Malaysia *Cybercity/Cybercentre* adalah dipandu dan diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri, atau pihak-pihak berkepentingan;

ii. kesediaan infrastruktur dan jalur lebar iaitu memenuhi Piawaian Prestasi MSC Malaysia *Cybercity/Cybercentre* semasa yang diguna pakai dan dikuatkuasakan oleh MDeC. Piawaian Prestasi MSC Malaysia ini merangkumi antara lain aspek-aspek perkhidmatan bekalan tenaga, air dan telekomunikasi, infrastruktur pengangkutan, keselamatan, kualiti alam sekitar serta perkhidmatan pelanggan;

iii. kesediaan perkhidmatan mesra pelanggan berdasarkan piagam pelanggan dan diselenggarakan oleh Pusat Sehenti MSC Malaysia

yang mempunyai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tertentu dan sasaran-sasaran MSC Malaysia yang jelas;

iv. mempunyai persekitaran yang kompetitif untuk menarik pelaburan, membangun *startup* dan industri kecil dan sederhana ICT, dan menarik pekerja berpengetahuan (*Knowledge Worker*);

v. kewujudan bekalan pekerja berpengetahuan yang mencukupi untuk pembangunan industri ICT;

vi. berdekatan dengan institusi pengajian tinggi dan penyelidikan dan mewujudkan inisiatif-inisiatif jalinan kerjasama antara institusi-institusi berkaitan dengan industri;

vii. menggunakan aplikasi-aplikasi MSC Malaysia yang relevan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan (*service delivery*); dan

viii. *Blueprint* ICT Negeri untuk memandu pembangunan ICT negeri dan mengenal pasti *value propositions* sektor-sektor dan bidang-bidang khusus terpilih untuk pertumbuhan ekonomi setempat yang berdaya saing (untuk pembangunan *Cybercentre* di luar Lembah Kelang).

Tuan Yang diPertua,

Kenaikan nilai hartanah sebelum dan setelah penganugerahan tersebut bergantung sepenuhnya kepada faktor permintaan dan penawaran terhadap ruang pejabat daripada pelbagai industri terutamanya daripada industri ICT.

Penubuhan dan peluasan MSC Malaysia *Cybercity* dan *Cybercentre* merupakan agenda ke arah pembangunan ekosistem industri ICT dan bukan satu agenda "*property play*". Pembangunan ekosistem ini dapat dicapai menerusi Jaminan-jaminan MSC Malaysia (MSC Malaysia *Bill of Guarantees)* yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia serta pelbagai program berasaskan ICT yang dijalankan di MSC Malaysia *Cybercity* dan *Cybercentre*.

Kerajaan dapat memperoleh kelebihan ekonomi melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat tempatan dan asing yang bertaraf MSC Malaysia di MSC Malaysia *Cybercity* dan *Cybercentre*.

**NO. SOALAN: 259**

# DEWAN RAKYAT
# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
# MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
# PARLIMEN KEDUA BELAS
# (2010)

---

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA :** **Y.B PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]**

**SOALAN :**

**Y.B PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) Berapakah jumlah kes yang dilaporkan di mana pihak suami gagal melunaskan bayaran nafkah kepada bekas isteri meskipun dengan perintah mahkamah dan

(b) Apakah alasan utama yang sering diberikan dan apakah tindakan kementerian menangani fenomena ini

**<u>JAWAPAN</u>: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes tuntutan yang difailkan oleh bekas isteri bagi menguatkuasa perintah Mahkamah Syariah di seluruh Negara sepanjang tahun 2009 adalah sebanyak 1,171 kes daripada 3,720 kes tuntutan nafkah yang telah selesai.

(b) Antara alasan utama yang sering diberikan oleh pihak suami yang gagal melunaskan bayaran nafkah kepada bekas isteri adalah seperti berikut :

(i) ketidakmampuan bekas suami melunaskan perintah mahkamah dan berkahwin lain;

(ii) kejahilan penghutang penghakiman untuk tunaikan kewajipan perintah;

(iii) bagi ahli-ahli korporat pula, memberikan alasan perniagaannya yang merosot dan minta tangguh hingga ada kelapangan; dan

(iv) hak lawatan yang diberikan kepada bapa/bekas suami

Kerajaan menyedari keseriusan masalah tersebut dan antara tindakan yang diambil ialah:

(i) Pejabat Peguam Negara (Seksyen Syariah) sedang mengambil tindakan meminda dan menambahbaik seksyen berkaitan nafkah yang memberi tanggungjawab pelaksanaan perintah kepada datuk sebelah ayah sekiranya ayah tidak mampu melaksanakan perintah tersebut. Tanggungjawab ini akan ditanggung oleh saudara sebelah lelaki (bapa). Peringkat terakhir, sekiranya tiada saudara/bapa yang mampu maka rujukan boleh dibuat di BaitulMal.

(ii) Kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) untuk mengenalpasti punca-punca ketidakpatuhan kepada perintah nafkah dan pegawai-pegawai telah diberi latihan pendakwaan untuk mendakwa suami yang ingkar. Disamping itu juga, BSK telah pun memperolehi peruntukkan kewangan sebanyak RM15 juta sebagai wang pendahuluan.

(iii) Dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi meningkatkan "*service delivery*" (penyampaian perkhidmatan) kepada masyarakat, pihak JKSM telah mengambil inisiatif turun padang bagi menjelaskan isu-isu semasa dan Sistem Kehakiman Syariah kepada masyarakat. Antara platform pihak JKSM untuk mendekati masyarakat seperti Majlis Mahabbah yang diadakan 4 kali setahun di peringkat negeri-negeri di

seluruh Malaysia. Langkah ini dapat meningkatkan celik undang-undang di kalangan masyarakat khususnya wanita dan ibu-ibu tunggal yang berada di luar bandar.

Sekian, terima kasih

**SOALAN NO: 260**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU**
**[ TELOK INTAN ]**

**SOALAN :**

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

**(a)** baru-baru ini terdapat kenyataan dalam surat khabar tempatan melaporkan setiap Wakil Rakyat (Parlimen) diberi peruntukan RM1 juta oleh Kerajaan. Adakah ini benar; dan

**(b)** mengapakah Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Speaker) tidak dapat pastikan kesemua wakil rakyat mendapat peruntukan kewangan yang sama tanpa diskriminasi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyediakan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen dan jumlahnya tidak semestinya RM1 juta untuk satu kawasan. Peruntukan ini tidak diberi kepada wakil rakyat untuk diuruskan kerana kerajaan mempunyai mekanismenya yang tersendiri untuk menguruskan peruntukan ini.

Tugasan Speaker adalah berkaitan mengurus perjalanan persidangan Dewan Parlimen dan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang berkaitan. Peranan beliau tidak termasuk dalam hal-hal berkaitan peruntukan kewangan seseorang ahli wakil rakyat.

Sekian. Terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) berapakah kos untuk membina Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil Flemington di Bagan Datoh; dan

(b) bilakah sekolah tersebut akan disiapkan dan pembukaan rasmi dijadualkan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) dan (b)

Kos kontrak untuk membina bangunan satu blok setingkat SJK(T) Flemington, Bagan Datoh, Perak ialah RM990 ribu. Projek tersebut telah sempurna disiapkan pada 18 Februari 2010 dan akan diserahkan secara rasmi kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam masa terdekat.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

## PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melantik pegawai-pegawai (bukan akademik) untuk membuat kerja-kerja harian seperti menyimpan rekod murid-murid, penyediaan laporan dan sebagainya supaya bebanan guru-guru boleh dikurangkan dan guru-guru boleh menumpukan perhatian penuh kepada pendidikan.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan insan yang mempunyai modal intelektual yang tinggi, kualiti guru terutamanya dalam pembentukan generasi yang berdaya saing adalah sangat penting. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang meneliti secara menyeluruh untuk membuat kajian pewujudan jawatan – jawatan bukan guru di sekolah di bawah KPM. Jawatan-jawatan tersebut adalah bagi melaksanakan kerja – kerja seperti pengurusan maklumat murid dan guru, pengurusan kewangan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, buat masa ini jawatan bukan akademik yang terdiri daripada Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) merangkumi jawatan Pembantu Tadbir (Gred N26/N22/N17), Pembantu Tadbir Rendah (Gred N14/N11) dan Pembantu Am Pejabat (Gred N4/N1) telah wujud di sekolah-sekolah untuk membantu para guru menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan sekolah.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

## PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan : -

a) berapakah jumlah pusat tuisyen untuk UPSR, PMR, SPM dan STPM di seluruh negara yang berdaftar dengan Kerajaan; dan

b) berapakah jumlah yuran danpendapatan yang dicatat oleh pusat-pusat tuisyen tersebut.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hanya meluluskan penubuhan pusat tuisyen yang memberi bimbingan untuk murid-murid di peringkat sekolah sahaja seperti yang terkandung di bawah P.U. (A) 534. Sehingga Januari 2010, jumlah pusat tuisyen yang diluluskan sehingga kini ialah 2,871 buah. Kelulusan penubuhan pusat tuisyen diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing di seluruh negara.

(b) Jumlah yuran yang dikenakan oleh pusat tuisyen bergantung kepada lokasi, taraf sosio ekonomi penduduk setempat dan juga permintaan *(demand)* dari penduduk itu sendiri. Yuran pusat tuisyen ini mestilah diluluskan oleh Ketua Pendaftar bagi memastikan kutipan yuran ini tidak dilakukan sewenang-

wenangnya oleh pengusaha dan KPM sentiasa memantau perkara tersebut. Secara amnya, boleh dikatakan bahawa kadar yuran bergantung kepada tawaran oleh pusat tuisyen itu sendiri. Tawaran berbentuk pakej dengan beberapa mata pelajaran utama atau berbentuk *single subject.* Tawaran pakej biasanya di antara RM 50.00 hingga RM 120.00 bagi 5 mata pelajaran utama. Bagi *single subject* biasanya yuran yang dikenakan ialah di antara RM 25.00 hingga RM 35.00 bagi setiap satu mata pelajaran. Setakat ini belum ada kajian terperinci berkaitan dengan pendapatan yang diperolehi oleh pusat-pusat tuisyen di seluruh negara.

**SOALAN NO. 264**

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]**

**SOALAN:**

**TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) berapakah jumlah rakyat Malaysia yang masih belum mendaftar sebagai pengundi walaupun telah layak mengikut rekod pendaftaran yang terkini; dan

(b) nyatakan jumlah berkenaan di atas mengikut negeri dan kaum.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah ***warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun***, berdasarkan statistik daripada Jabatan Pendaftaran Negara, dan memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih, berdasarkan kepada Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan, tetapi ***masih belum mendaftar sebagai pemilih*** sehingga **21 *Mei 2010*** adalah seramai ***4,312,465 orang***.

(b) Jumlah mengikut negeri dan kaum:

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

**STATISTIK WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERUMUR 21 TAHUN DAN KE ATAS**

**YANG TELAH MENDAFTAR DAN BELUM MENDAFTAR DENGAN SPR.**
(DAFTAR PEMILIH TERKINI SUKU 1/2010 SELEPAS BELAH BAHAGI SIRI 2/2009)

| NEGERI | MELAYU | | | CINA | | | INDIA | | | B/P SABAH | | | B/P SARAWAK | | | ORANG ASLI | | | LAIN-LAIN | | | JUMLAH KESELURUHAN | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR | REKOD JPN | REKOD SPR | JUMLAH BELUM MENDAFTAR |
| PERLIS | 127,163 | 102,193 | 24,970 | 19,580 | 14,315 | 5,265 | 2,218 | 1,957 | 261 | 119 | 118 | 1 | 127 | 211 | -84 | 3 | 11 | -8 | 4,319 | 2,746 | 1,573 | **153,529** | **121,551** | **31,978** |
| KEDAH | 885,156 | 671,771 | 213,385 | 209,098 | 142,074 | 67,024 | 84,578 | 60,272 | 24,306 | 793 | 467 | 326 | 745 | 637 | 108 | 145 | 105 | 40 | 21,923 | 11,773 | 10,150 | **1,202,438** | **887,099** | **315,339** |
| KELANTAN | 933,996 | 733,354 | 200,642 | 42,324 | 31,755 | 10,569 | 2,910 | 2,809 | 101 | 368 | 356 | 12 | 400 | 539 | -139 | 5,321 | 3,569 | 1,752 | 14,251 | 6,207 | 8,044 | **999,570** | **778,589** | **220,981** |
| TERENGGANU | 595,837 | 522,454 | 73,383 | 22,012 | 21,066 | 946 | 1,468 | 1,597 | -129 | 382 | 260 | 122 | 456 | 256 | 200 | 345 | 264 | 81 | 3,225 | 735 | 2,490 | **623,725** | **546,632** | **77,093** |
| PULAU PINANG | 316,809 | 243,830 | 72,979 | 504,554 | 393,514 | 111,040 | 110,609 | 80,022 | 30,587 | 1,360 | 439 | 921 | 643 | 355 | 288 | 17 | 19 | -2 | 5,763 | 2,518 | 3,245 | **939,755** | **720,697** | **219,058** |
| PERAK | 791,717 | 573,637 | 218,080 | 641,840 | 490,959 | 150,881 | 207,091 | 144,386 | 62,705 | 1.845 | 919 | 926 | 2,072 | 1,566 | 506 | 24,629 | 14,980 | 9,649 | 14,028 | 3,624 | 10,404 | **1,683,222** | **1,230,071** | **453,151** |

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **PAHANG** | 577,815 | 430,947 | 146,868 | 172,527 | 142,460 | 30,067 | 37,263 | 30,779 | 6,484 | 972 | 568 | 404 | 940 | 981 | -41 | 31,071 | 18,552 | 12,519 | 6,064 | 1,595 | 4,469 | **826,652** | **625,882** | **200,770** |
| **SELANGOR** | 1,094,693 | 812,931 | 281,762 | 877,560 | 566,607 | 310,953 | 384,984 | 236,278 | 148,706 | 14,852 | 3,288 | 11,564 | 7,443 | 2,178 | 5,265 | 8,908 | 5,127 | 3,781 | 34,938 | 9,946 | 24,992 | **2,423,378** | **1,636,355** | **787,023** |
| **W.P KUALA LUMPUR** | 358,201 | 232,449 | 125,752 | 528,764 | 379,522 | 149,242 | 114,945 | 72,152 | 42,793 | 6,550 | 1,943 | 4,607 | 3,475 | 2,082 | 1,393 | 381 | 114 | 267 | 18,496 | 5,381 | 13,115 | **1,030,812** | **693,643** | **337,169** |
| **W.P PUTRA JAYA** | 14,410 | 6,996 | 7,414 | 281 | 102 | 179 | 487 | 294 | 193 | 169 | 36 | 133 | 89 | 22 | 67 | 10 | 3 | 7 | 86 | 26 | 60 | **15,532** | **7,479** | **8,053** |
| **NEGERI SEMBILAN** | 325,270 | 241,600 | 83,670 | 192,242 | 153,601 | 38,641 | 98,892 | 70,290 | 28,602 | 1,327 | 779 | 548 | 1,240 | 1,291 | -51 | 5,172 | 3,049 | 2,123 | 4,738 | 1,715 | 3,023 | **628,881** | **472,325** | **156,556** |
| **MELAKA** | 266,734 | 215,416 | 51,318 | 166,866 | 134,898 | 31,968 | 31,861 | 24,262 | 7,599 | 1,322 | 870 | 452 | 1,214 | 1,215 | -1 | 696 | 510 | 186 | 5,008 | 2,283 | 2,725 | **473,701** | **379,454** | **94,247** |
| **JOHOR** | 1,003,141 | 713,045 | 290,096 | 776,814 | 544,209 | 232,605 | 136,166 | 89,781 | 46,385 | 8,106 | 2,255 | 5,851 | 12,294 | 2,490 | 9,804 | 4,178 | 2,341 | 1,837 | 16,937 | 3,200 | 13,737 | **1,957,636** | **1,357,321** | **600,315** |
| **W.P LABUAN** | 8,538 | 7,367 | 1,171 | 7,915 | 5,250 | 2,665 | 490 | 366 | 124 | 13,268 | 7,016 | 6,252 | 549 | 364 | 185 | 0 | 1 | -1 | 2,098 | 590 | 1,508 | **32,858** | **20,954** | **11,904** |
| **SABAH** | 126,608 | 117,120 | 9,488 | 198,348 | 152,610 | 45,738 | 3,986 | 3,003 | 983 | 721,108 | 505,561 | 215,547 | 7,601 | 5,051 | 2,550 | 62 | 66 | -4 | 83,943 | 38,970 | 44,973 | **1,141,656** | **822,381** | **319,275** |
| **SARAWAK** | 271,274 | 180,054 | 91,220 | 453,291 | 318,953 | 134,338 | 3,024 | 1,727 | 1,297 | 5,989 | 3,764 | 2,225 | 684,201 | 440,871 | 243,330 | 47 | 426 | -379 | 8,819 | 1,297 | 7,522 | **1,426,645** | **947,092** | **479,553** |
| **JUMLAH** | **7,697,362** | **5,805,164** | **1,892,198** | **4,814,016** | **3,491,895** | **1,322,121** | **1,220,972** | **819,975** | **400,997** | **778,530** | **528,639** | **249,891** | **723,489** | **460,109** | **263,380** | **80,985** | **49,137** | **31,848** | **244,636** | **92,606** | **152,030** | **15,559,990** | **11,247,525** | **4,312,465** |
| **PERATUS** | **49.47%** | **51.61%** | **43.88%** | **30.94%** | **31.05%** | **30.66%** | **7.85%** | **7.29%** | **9.30%** | **5.00%** | **4.70%** | **5.79%** | **4.65%** | **4.09%** | **6.11%** | **0.52%** | **0.44%** | **0.74%** | **1.57%** | **0.82%** | **3.53%** | | | **27.7%** |

SOALAN NO : 265

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : BERTULIS

**DARIPADA** : Y.B DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJUNG MALIM]

**SOALAN** :

**Y.B DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJUNG MALIM]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keperluan untuk membina lebuh raya dari Ulu Slim, Perak ke Raub, Pahang. Apakah perancangan Kerajaan ke atas pelaksanaan rancangan ini dan jangka masa yang ditetapkan untuk melaksanakannya.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin dengan keperluan jalan dari Ulu Slim, Perak ke Raub, Pahang. Kerajaan juga sedar buat masa kini, pengguna jalan raya perlu menggunakan Jalan Persekutuan dari Kuala Kubu Bharu – Raub (FT 055) dimana ianya adalah terlalu jauh, sebagai jalan perhubungan antara kedua-dua kawasan. Data trafik pada tahun 2009 menunjukkan bilangan kenderaan di Laluan Persekutuan 55 Kuala Kubu Baru – Teranum masih rendah iaitu sebanyak 1250 kenderaan sehari.

Projek pembinaan jalan yang menghubungkan Ulu Slim, Perak dan Raub, Pahang telah dikenalpasti dalam Kajian Semula Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) yang perlu dilaksanakan. Pembinaan jalan ini juga dijangkakan mampu membuka kawasan baru yang berpotensi untuk dibangunkan dari aspek pertanian dan pelancongan berdasarkan pelan guna tanah yang terdiri daripada kawasan pertanian, banjaran dan hutan simpan. Cadangan ini melibatkan pembinaan jalan baru piawai R5 yang mempunyai 2 lorong 2 hala *(single carriageway)* sepanjang 30 kilometer dengan kos pembinaan dianggarkan sebanyak RM100 juta.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Kerja Raya telah memohon pelaksanaan projek ini Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

NO : 266

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**SOALAN : NO.266**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar antarabangsa yang mengikuti program pengajian tinggi di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia sejak tahun 2007. Sebagai langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pengajian tinggi, apa insentif dan pelan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak universiti terkemuka luar negara menubuhkan kampus cawangan mereka di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen pelajar antarabangsa di IPT tempatan telah meningkat setiap tahun. Pada tahun 2007, enrolmen pelajar antarabangsa di IPTA adalah seramai 14,324 orang, tahun 2008 seramai 18,485 orang dan tahun 2009 seramai 22,456 orang. Manakala, di IPTS pula, enrolmen pelajar antarabangsa pada tahun 2007 adalah seramai 33,604 orang, pada tahun 2008 seramai 50,679 orang dan tahun 2009 seramai 58,294 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada prinsipnya, kementerian menggalakkan penubuhan cawangan universiti luar negara terutama universiti-universiti tersohor dunia di Malaysia. Pada masa ini, terdapat lima buah IPTS yang merupakan cawangan universiti luar negara iaitu *University of*

*Notthingham in Malaysia* (UNIM), *Monash University Malaysia* (MUSM), *Curtin University of Technology*, *Swinburne University of Technology* (SWINBURNE), *Newcastle University Medicine Malaysia* (NUMed).

Secara umumnya, kerajaan melalui pelbagai agensi telah menyediakan insentif yang boleh dinikmati oleh semua IPTS yang beroperasi di Malaysia termasuk cawangan universiti luar negara. Senarai insentif tersebut adalah seperti di **Lampiran 1**.

**LAMPIRAN 1**

**TAX INCENTIVES FOR PRIVATE HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS**

| No. | **ELIGIBILITY** | **INCENTIVES** | **AGENCY** |
|---|---|---|---|
| 1. | PHEIs that provides technical or vocational courses and also science courses in selected fields :<br>biotechnology<br>medical and health sciences<br>molecular biology<br>material sciences and technology<br>food sciences and technology<br><br>Existing PHEIs providing the above courses that undertake new investments to upgrade their training equipment or expand their training capacities also qualify for this incentiv | Investment Tax Allowance of 100% for 10 years offset against 70% of statutory income for each year of assessment | MIDA |
| 2. | Multimedia Faculties in Institutions of Higher Learning:<br>Tax incentives accorded to MSC companies | Pioneer Status (PS) with 100% tax exemption for a period of 10 years or Investment Tax Allowance (ITA) of 100% for 5 years offset | MDEC |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | extended to multimedia faculties which provide courses in media, computer, information technology, telecommunications, communications and contents related to data, voice, graphics and images | against 100% of statutory income for each year of assessment.<br><br>Duty free importation of multimedia equipment. | |
| 3. | Companies involved in the export of educational services | i. Tax exemption on income equivalent to 50% of the value of the increased export of higher education<br><br>ii. Double deduction for expenses incurred in the promotion of export of higher education | LHDN |
| 4. | Any person who owns buildings used for industrial, technical or vocational training approved by the Minister of Finance<br><br>Any company who owns buildings used for a school or an educational institution approved by the Minister of Higher Education | Expenses incurred in constructing or purchasing the building are eligible for Industrial Building Allowance of 10% for 10 years | LHDN |
| 5. | Computers and information technology assets including software acquired by IPTS | Expenses incurred eligible for Accelerated Capital Allowance ie: Initial allowance of 20% and annual allowance of 40% | LHDN |
| 6. | PHEIs approved technical and vocational training institutions, private language centres | Exemption of Import Duty, Sales tax and Excise Duty on all educational equipment including laboratory, workshop, studio and language laboratory equipment | MIDA |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | Non-resident franchisors providing franchised education programs approved by Ministry of Higher Education | Tax exemption on royalty income paid by educational institutions to non-resident franchisors | LHDN |
| 8. | Incentive for lecturers providing accreditation of Franchised Education Programs | Fees or honorarium received from MQA by lecturers/experts who provide services in the validation, moderation or accreditation process to ensure franchised education programs are the same quality as those of franchisor institutions, are exempted from income tax | LHDN |
| 9. | Companies that do not contribute to HRDF, but provide training for their employees | Companies that incurred expenses for approved training of its employees are eligible for Double Deduction. The training should be at approved training institutions | LHDN |
| 10. | Deduction for pre-employment training | Training expenses incurred before the commencement of business qualify for single deduction. The institution must prove that they will employ the trainees | LHDN |
| 11. | Deduction for non-employee training | Expenses incurred in providing practical training to residents who are non employees of the institution qualify for single deduction | LHDN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12. | PHEIs that has incurred expenses for the development and compliance of new courses | Expenses incurred for the development and compliance of new courses qualify for single deduction amortised for 3 years | MOHE/ LHDN |
| 13. | Non-profit oriented Government assisted and private schools (including schools formed by a body of persons, trust body or a company limited by guarantee) | 100% tax exemption on all income received by non-profit oriented schools. | MOF/LHDN |
| 14. | Life Long Learning<br>Individual tax payers pursuing studies<br>- at the tertiary level in selected fields* of study at any institution or professional body in Malaysia as approved by the MOF<br>- at the post graduate level in all fields (masters and doctorate)<br>*technical, vocational, industrial, scientific, law, technological, accounting, Islamic Finance skills | Tax relief not exceeding RM5,000 per annum | LHDN |

**SOALAN NO. 267**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN
[ TANJUNG MALIM ]

**SOALAN 276**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes perbicaraan yang tertunggak di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret sejak 2000 hingga sekarang dan tindakan yang diambil untuk menyelesaikannya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Y.B., jumlah kes perbicaraan yang tertunggak di mahkamah seluruh Malaysia setakat April 2010 adalah seperti berikut:-

| Tahun | Kes | Mahkamah Majistret | Mahkamah Sesyen | Mahkamah Tinggi |
|---|---|---|---|---|
| 2000 | Sivil | 159163 | 84329 | 54235 |
| | Jenayah | 338218 | 3121 | 1805 |
| 2001 | Sivil | 158415 | 83892 | 72968 |
| | Jenayah | 367392 | 3529 | 1825 |
| 2002 | Sivil | 132869 | 81486 | 68818 |
| | Jenayah | 317026 | 3833 | 2351 |
| 2003 | Sivil | 141122 | 90687 | 74228 |
| | Jenayah | 347632 | 4769 | 2859 |
| 2004 | Sivil | 130305 | 88380 | 74264 |
| | Jenayah | 335512 | 5887 | 3667 |
| 2005 | Sivil | 134537 | 101880 | 72493 |
| | Jenayah | 475507 | 7015 | 4068 |
| 2006 | Sivil | 136724 | 109361 | 77624 |
| | Jenayah | 60686 | 7596 | 4038 |
| 2007 | Sivil | 168783 | 114105 | 89246 |
| | Jenayah | 612290 | 8527 | 4422 |
| 2008 | Sivil | 156053 | 94554 | 93523 |
| | Jenayah | 440557 | 8750 | 4544 |
| 2009 | Sivil | 96886 | 68039 | 55761 |
| | Jenayah | 276883 | 8857 | 3348 |
| 2010 | Sivil | 88136 | 58883 | 47967 |
| | Jenayah | 268314 | 8633 | 3266 |

Untuk makluman Ahli Y.B., antara langkah-langkah dan usaha yang telah diambil oleh mahkamah dalam mencapai visi untuk melupuskan kes-kes lama tersebut adalah:

1. Mengadakan Operasi Fail

   Untuk mengetahui berapakah jumlah sebenar kes-kes tertunggak di setiap Mahkamah Tinggi bagi mengadakan satu perancangan sistematik.

2. Pengkhususan

   Hakim-Hakim yang mendengar kes-kes yang secara pengkhususan akan memberi hasil yang lebih baik dan cepat. akan didengar oleh beliau.

3. Pengenalan Sistem Tracking

   a. Hakim *A-track* yang mendengar kes yang melibatkan keterangan melalui Afidavit
   b. Hakim *T-track* yang mendengar kes yang melibatkan keterangan lisan; dan
   c. Hakim *M-Track* yang mendengar kes-kes pelbagai

4. Pengurusan kes

   Di bawah sistem ini, kes-kes terlebih dahulu ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar untuk memastikan kes-kes yang didengar oleh para Hakim hanyalah kes yang sedia untuk dibicarakan.

5. Mewujudkan Mahkamah *New Commercial Court (NCC)*

Pada September 2009, Mahkamah Tinggi Dagang telah membuka 2 buah Mahkamah yang dikenali sebagai *NCC1* dan *NCC2*. untuk mendengar kes-kes yang didaftarkan mulai September 2009 sehingga Disember 2010.Kemudiannya pendaftaran di mahkamah tersebut ditutup dan Hakim akan memberi tumpuan untuk membicarakan kes-kes yang telah didaftarkan dalam tempoh empat bulan tersebut. Dengan cara demikian, para Hakim dapat memantau setiap perkembangan kes secara teliti dengan penuh perhatian dan dapat membuat perancangan dalam pembahagian masa yang diperlukan untuk melupuskan kes-kes tersebut. Bagi pendaftaran kes untuk empat bulan yang berikutnya, 2 buah lagi mahkamah *NCC* telah diwujudkan iaitu *NCC3* dan *NCC 4* di mana proses yang sama seperti di atas akan dilalui oleh kedua-dua Hakim ini.

6. Mewujudkan Mahkamah Khas *(Specialised Courts for Intellectual Property and Muamalat Cases)*

Terdapat dua buah mahkamah khas untuk mendengar kes-kes Harta Intelek dan kes Muamalat diwujudkan pada bulan Jun 2009, di mana Hakim- hakim tersebut juga mendengar secara khusus kes-kes daripada kedua-dua jenis kes tersebut.

7. Kes-kes ditetapkan untuk mediasi

   Mediasi adalah suatu alternative penyelesaian kes tanpa melalui perbicaraan penuh di Mahkamah . Ia dapat menjimatkan masa dan kos pihak-pihak yang terlibat berbanding jika sesuatu kes perlu melalui perbicaraan penuh.

8. Penambahan bilangan Hakim

   Badan Kehakiman telah menambah bilangan Hakim di Mahkamah Tinggi di seluruh Malaysia secara keseluruhannya bergantung kepada keperluan setempat berdasarkan kes-kes tertunggak dan purata pendaftaran bulanan di tempat tersebut .

9. E-Kehakiman

   E-kehakiman diperkenalkan untuk memudahkan lagi sistem pengurusan dan pendengaran kes di mahkamah seperti *E-Filing, Case Management System, Queue Management System dan Court Recording Transcription*.

Oleh yang demikian, dengan langkah-langkah yang sedia ada di atas dan langkah-langkah lain yang akan diperkenalkan dari masa ke masa dengan satu sistem pemantauan yang berkesan dan berterusan, mahkamah tidak akan lagi dibelenggu dengan masalah lambakan kes pada masa akan datang.

NW: 268

NO. AUM : ~~277~~

NO. AUP : 268

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ]** |
| **TARIKH** | **:** | **-** |
| **RUJUKAN** | **:** | **2857** |

**SOALAN :**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mewujudkan dasar dan langkah-langkah yang berkesan untuk mempercepatkan proses permohonan kewarganegaraan memandangkan ramai pemohon masih menunggu keputusan permohonan yang telah dikemukakan sejak beberapa tahun yang lalu.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan satu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia yang diberikan kepada orang asing dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa langkah yang drastik di dalam usaha untuk mempastikan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia diproses dan dikeluarkan keputusan dalam satu tempoh yang lebih sesuai dan praktikal kepada pemohon. Sepanjang tahun 2009, Kementerian Dalam Negeri telah berjaya menyelesaikan kesemua tunggakan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang diterima dari tahun 1997 sehingga tahun 2006 iaitu **sebanyak 32,927 kes**. Untuk tahun 2010 pula, Kementerian meletakkan sasaran penyelesaian sebanyak 29,677 bagi semua permohonan yang diterima pada tahun 2007, 2008 dan 2009 menjelang akhir tahun 2010.

Selain dari itu, bermula dari permohonan yang diterima dari tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan Piagam Pelanggan bagi mengeluarkan keputusan permohonan taraf

kewarganegaraan tidak melebihi dua tahun dari tarikh permohonan lengkap diterima di Jabatan Pendaftaran Negara.

Pada masa yang sama, Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian bagi mengatasi karenah birokrasi tanpa berkompomi syarat-syarat seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

AW: 269

No. 26

SJ.B(TULIS)/(23)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)** |
| **PERTANYAAN** | **:** | **BERTULIS** |
| **TARIKH** | **:** | **07.06.2010 - 13.07.2010** |

**Dato' Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

(a) bilangan kenderaan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang Proton di Shah Alam dan Tanjong Malim berbanding dengan kapasiti kilang sebenar untuk tiga tahun lepas; dan

(b) sebagai langkah untuk meningkatkan *economies of scale* dan pengurusan pengeluaran yang cekap, apakah rancangan dan strategi akan dirangka untuk menggunakan sepenuhnya kapasiti kilang Proton di Tanjong Malim. Adakah kemungkinan operasi kilang Proton di Shah Alam diberhentikan dan semua aktiviti pengeluarannya dipindah ke Tanjong Malim. Jika ada, apakah tempoh waktu yang ditetapkan untuk melaksanakan rancangan ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kenderaan yang dikeluarkan oleh kilang PROTON di Shah Alam dan Tanjong Malim berbanding dengan kapasiti kilang sebenar untuk tiga tahun lepas adalah seperti berikut:

| | Bilangan Kenderaan Dikeluarkan (Unit) | |
|---|---|---|
| | Shah Alam | Tanjong Malim |
| Kapasiti Terpasang | 230,000* | 150,000** |
| Tahun:<br>2007 | 75,711 | 55,301 |
| 2008 | 92,958 | 67,912 |
| 2009 | 108,739 | 57,568 |

* Kilang Utama = 180,000 unit dan *Medium Volume Factory* (MVF) = 50,000 unit

**Kapasiti kilang boleh dipertingkatkan kepada 250,000 unit

2. PROTON pada ketika ini dalam proses perancangan dan pemantauan bagi mencapai keputusan berhubung dengan hala tuju pengurusan kedua-dua kilang pengeluaran PROTON iaitu yang terletak di Shah Alam, Selangor dan Tanjong Malim, Perak. PROTON kini sedang melaksanakan kajian terperinci kemungkinan untuk menutup kilang operasi di Shah Alam dan menjalankan operasi penuh pengeluaran hanya di kilang Tanjong Malim serta menilai kos pelaburan yang diperlukan untuk perpindahan secara berperingkat dari Shah Alam ke Tanjong Malim. Sekiranya ia munasabah dilaksanakan, perpindahan tersebut dijangka bermula pada tahun 2015.

3. Dengan penumpuan operasi pengilangan dan pentadbiran hanya di sebuah kilang, PROTON dijangka akan dapat menjimatkan kos pengurusan sehingga RM60 juta setahun. Penumpuan operasi sepenuhnya bagi kilang di Tanjong Malim, boleh dijuruskan sebagai *potential expansion* kepada PROTON memandangkan kilang ini mempunyai kapasiti terpasang yang lebih besar di mana ia mampu untuk mengeluarkan kenderaan sehingga 250,000 unit kenderaan setahun berbanding dengan keupayaan kilang di Shah Alam yang hanya mampu mengeluarkan setakat 180,000 unit kenderaan setahun.

NO. SOALAN: 270

**DEWAN RAKYAT**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA**
**PARLIMEN KEDUA BELAS**
**(2010)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee ( Setiu)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pasangan yang telah bernikah di luar negara mengikut rekod daftar sedia ada dan apakah Kerajaan sedar mengenai wujudnya jurunikah-jurunikah sindiket di negara ini dan jika ya, berapa jumlah mereka.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), jumlah pasangan yang bernikah di luar negara yang membuat pengesahan nikah

pada tahun 2009 adalah sebanyak **6,935 kes**. Jumlah ini adalah menurun berbanding tahun 2008 yang didaftarkan sebanyak **8038 kes** di seluruh negara.

Kerajaan sentiasa perihatin dan sedar akan kewujudan jurunikah-jurunikah sindiket di negara ini. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa memantau aktiviti jurunikah sindiket berkenaan. Nikah secara sindiket ini dijalankan secara sulit dan hanya diketahui sekiranya :

a) pasangan berkenaan mendaftarkan pernikahan di Jabatan Agama Islam Negeri; atau

b) berlakunya perceraian; atau

c) berlakunya kematian yang melibatkan tuntutan harta pusaka; atau

d) berlakunya perkahwinan secara poligami; atau

e) ada pendedahan umum sama ada melalui akhbar atau maklumat orang ramai.

Kebiasaannya nikah secara sindiket ini berlaku di luar kariah dan tidak mendapat kebenaran pendaftar yang bertauliah. Malah ada diantara pasangan berkenaan juga tidak mengetahui siapakah jurunikah berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: ~~280~~ 271

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [ SETIU ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membuka klinik rawatan 24 jam kepada pesakit biasa berikutan ramai di kalangan mereka ini mendapat rawatan di Unit Kecemasan hospital Kerajaan sehingga ia mengganggu kes-kes kritikal.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian mengambil maklum akan kedatangan pesakit yang begitu tinggi diklinik kesihatan sehingga menyebabkan waktu menunggu yang lama bagi mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan.

Setakat ini, belum ada cadangan untuk memberi rawatan 24 jam bagi kes biasa. Waktu rawatan 24 jam diutamakan kepada kes kritikal dan kecemasan samada di hospital atau di klinik kesihatan luar bandar. Klinik kesihatan ini menyediakan khidmat panggilan kecemasan 24 jam bagi kemudahan orang ramai yang perlu rawatan kecemasan segera. Kes-kes biasa masih dikendalikan semasa waktu pejabat samada secara *walk in* atau temu janji.

Walau bagaimanapun, bagi memberi kemudahan kepada masyarakat setempat serta mengurangkan kesesakan di unit kecemasan hospital, Kementerian ada melaksanakan perkhidmatan Waktu Bekerja Selepas Waktu Pejabat di 60 buah klinik kesihatan terpilih di mana klinik kesihatan yang berhampiran hospital dikenalpasti dan diarah

menyediakan perkhidmatan sehingga 9.30 malam pada hari bekerja biasa dan dibuka mulai jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari pada Hari Sabtu.

Selain itu, 50 buah klinik 1Malaysia juga turut memberi lebih banyak peluang bagi masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan terutama kawasan bandar dan dibuka hingga 10.00 malam.

Penubuhan Klinik 1 Malaysia diwujudkan bagi tujuan memudahkan masyarakat mendapat akses perkhidmatan kesihatan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk dan kawasan operasi klinik yang sesak.

NO: 272

# PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' MOHD JIDIN BIN JIDIN (SETIU)

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapa jumlah anggota tentera yang ada dan daripada jumlah itu berapa ramaikah terdiri dari kalangan bukan Melayu.

**JAWAPAN:**

Bilangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (TDM, TLDM dan TUDM) mengikut peratus pecahan bukan Melayu adalah seperti berikut:

| KHIDMAT | PERATUSAN PEGAWAI | | JUMLAH % PEGAWAI | PERATUSAN LLP | | JUMLAH % LLP |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | MELAYU | BUKAN MELAYU | | MELAYU | BUKAN MELAYU | |
| TDM | 94.8% | 5.20% | 100% | 89.8% | 10.20% | 100% |
| TLDM | 92.7% | 7.30% | 100% | 87.4% | 12.60% | 100% |
| TUDM | 93.1% | 6.90% | 100% | 93.8% | 6.20% | 100% |

SOALAN 273

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:**

Usaha kerajaan bagi mengekang pelancong tempatan yang berganda ke Indonesia sehingga berlaku pengeluaran wang negara yang begitu banyak dan apakah usaha untuk mendedahkan kepada rakyat tempatan mengenai kehebatan Malaysia.

**JAWAPAN**

Pada dasarnya tiada siapa mempunyai kuasa untuk mengekang rakyat tempatan untuk melancong ke mana-mana destinasi luar negara. Namun, usaha-usaha mempertingkatkan pelancongan domestik dibuat dengan lebih intensif bagi menggalakkan rakyat tempatan memilih destinasi negara sendiri untuk melancong. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Tourism Malaysia adalah:

a) meneruskan kempen **Cuti-Cuti 1Malaysia** dengan memperkenalkan lebih banyak lagi pilihan pakej dengan harga yang berpatutan;

b) menganjur lawatan media tempatan ke destinasi-destinasi di Malaysia. Ini bagi memastikan maklumat mengenai tarikan-tarikan yang terdapat di Malaysia disalurkan kepada pembaca-pembaca tempatan dengan lebih berkesan; dan

c) menganjur Misi Jualan Domestik dan **Cuti-Cuti 1Malaysia Travel Fair** untuk jualan terus pakej-pakej pelancongan domestik kepada para pengguna yang diadakan di wilayah-wilayah utama.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]**

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

## PERTANYAAN BERTULIS

**Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berkenaan dengan polisi insuran yang wajib dibeli oleh pelajar-pelajar sekolah, apakah skop perlindungan yang diberikan kepada pelajar-pelajar tersebut dan jumlah bayaran yang diterima bagi setiap kecederaan atau kemalangan yang menimpa mereka.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak mewajibkan murid-murid membeli Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (STPSM) yang disediakan oleh Takaful Malaysia. Walau bagaimanapun, murid-murid adalah digalakkan memberi sumbangan sebanyak RM1.50 sahaja untuk menyertai skim ini. Skop perlindungan STPSM yang disediakan dalam skim ini adalah seperti berikut:

a) Kematian akibat kemalangan – RM5,000.00
b) Lumpuh berkekalan seluruh badan akibat kemalangan – RM15,000.00
c) Terpisah atau putus anggota daripada badan atau kehilangan penglihatan akibat kemalangan – RM15,000.00 iaitu untuk :-
    i. Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan; atau
    ii. Kedua-dua belah kaki di atas buku lali; atau
    iii. Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata

*Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan maka amaun manfaatnya ialah RM7,500.00.

d) Khairat Kematian – mati akibat sakit biasa – RM1,000.00

Pelajar-pelajar yang terlibat dengan kemalangan dan dimasukkan ke wad Hospital kerajaan atau swasta layak menerima RM25.00 sehari selama tempoh mendapat rawatan di hospital dan tidak melebihi 60 hari berturut-turut daripada tarikh masuk wad hospital berkenaan.

No: 275

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | BERTULIS |
| DARIPADA | : | Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ |
| KAWASAN | : | SEREMBAN |
| NO. SOALAN | : | 275 |

Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [Klang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilakah Kerajaan akan mula menguatkuasakan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Tuan Yang Di Pertua,

*ASEAN Free Trade Area* (AFTA) merupakan satu usahasama di antara Malaysia dan lain-lain Negara ASEAN untuk mengurang dan menghapuskan kadar duti import bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN. Proses pengurangan dan pemansuhan duti import telah dimulakan pada 1 Januari 1993. ASEAN-6 iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand telah merealisasikan AFTA pada 1 Januari 2010. Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam telah diberi masa sehingga 2015 bagi menghapuskan duti import di bawah AFTA kecuali bagi beberapa produk di mana duti import akan dihapuskan pada 2018. Namun demikian, buat masa ini negara-negara tersebut telah mengurangkan duti import kepada paras 0-5 peratus.

NO AUM : ~~285~~
~~278~~
276

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]** |
| **TARIKH** | **:** | |
| **RUJUKAN** | **:** | **2858** |

**SOALAN :**

**TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]**minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) Apakah status siasatan polis berkenaan dengan laporan Polis Lenggeng No. 550/07, 572/07, 624/07, 728/07, 851/07, 1159/07, 1227/07, 1216/08, 22368/08 dan 1393/08 kesemuanya oleh Puan Lee Poh Yan (No. K/P : 570418105286) ; dan

(b) Adakah terdapat suspek yang ditahan dan bilakah pertuduhan di Mahkamah akan dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia, bagi menjawab soalan (a) adalah seperti berikut :

| BIL. | LAPORAN POLIS | STATUS SIASATAN |
|---|---|---|
| 1. | LENGGENG REPOT.550/07 | Kes telah dirujuk kepada Majistret. |
| 2. | LENGGENG REPOT.572/07 | Kes telah dirujuk kepada laporan polis bersabit Lenggeng Repot 550/07. |
| 3. | LENGGENG REPOT.624/07 | Kes telah dirujuk kepada Majistret. |
| 4. | LENGGENG REPOT.728/07 | Kes telah dirujuk kepada Majistret. |
| 5. | LENGGENG REPOT.851/07 | Kes dirujuk kepada laporan polis no. Manchis 202/07.(lima (5) orang Pendatang Tanpa Izin telah ditangkap oleh Pegawai Rela Daerah Bentong). |

| | | |
|---|---|---|
| 6. | LENGGENG REPOT.1159/07 | Kes telah dirujuk kepada Majistret. |
| 7. | LENGGENG REPOT.1227/07 | Masih dalam siasatan dan kes akan dirujuk kepada Y.A Timbalan Pendakwaraya. |
| 8. | LENGGENG REPOT.1216/08 | Kes bersabit laporan polis Lenggeng 1227/07 di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan). |
| 9. | SEREMBAN REPOT.22368/08 | Siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan akan dirujuk kepada Y.A Timbalan Pendakwaraya. |
| 10. | LENGGENG REPOT.1393/08 | Kes telah dirujuk kepada Majistret. |

Bagi menjawab soalan (b) pula, lima orang suspek pendatang tanpa izin telah ditangkap oleh pihak polis dan telah ditahan di Depot Tahanan Pendatang Tanpa Izin Lenggeng.

NW. 277.

NO. AUM : 286 277

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]** |
| **TARIKH** | : | |
| **RUJUKAN** | : | **2859** |

**SOALAN:**

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah status siasatan polis berkenaan dengan Laporan Polis Seremban No. 7146/08 bertarikh 15.4.08 oleh Cheoh Chien Chwee (No. K/P : 430825055293; dan

(b) adakah terdapat suspek yang ditahan dan bilakah pertuduhan di Mahkamah akan dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia, bagi menjawab soalan (a), siasatan kes berkenaan telah dilakukan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. Siasatan awal pihak polis mendapati suspek telah membayar dengan menggunakan cek yang mana akaunnya telah ditutup. Polis juga mendapati pengadu juga ada berhutang dengan syarikat suspek.

Bagi menjawab soalan (b) pula, setakat ini pihak polis masih menunggu laporan ketulinan cek berkenaan dari pihak bank dan tiada sebarang tangkapan dilakukan. Kertas siasatan akan dirujuk kepada Y.A Timbalan Pendakwaraya setelah selesai siasatan.

NO. AUM : ~~287~~ 278

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA :** **TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** **2860**

**SOALAN:**

**Tuan John A/L Fernandez [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah status siasatan polis berkenaan dengan Laporan Polis Nilai No. 4100/10 bertarikh 11.5.2010 oleh Seeralan a/l Packiry (No. K/P : 620925106083); dan

(b) adakah terdaapt suspek yang ditahan dan bilakah pertuduhan di Mahkamah akan dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seremban yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, bagi menjawab soalan (a), hasil daripada 'post mortem' yang dijalankan oleh dua orang doktor yang bertanggungjawab mengesahkan bahawa punca kematian adalah disebabkan lemas. Kes akan dirujuk kepada Y.A Koroner setelah selesai siasatan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Pihak polis masih menjalankan siasatan dan setakat ini tiada suspek yang ditahan dan dituduh di mahkamah.

NW: 279

NO. AUM : ~~288~~

NO. AUP : 279

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]** |
| **TARIKH** | **:** | |
| **RUJUKAN** | **:** | **2861** |

**SOALAN:**

**Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pengambilan tenaga kerja asing telah dikurangkan dalam tempoh dua tahun lalu dan sejauh manakah pula kekosongan itu diisi oleh pekerja tempatan.

**JAWAPAN UNTUK SOALAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

Tuan yang Dipertua,

Saya mengucapkan terimah kasih kepada Y.B. dari Kuala Nerus di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Dipertua,
Pengambilan tenaga kerja asing dalam tempoh dua (2) tahun lalu iaitu 2008 dan 2009 telah menunjukkan penurunan sebanyak 144,450 orang atau 7%. Bagi tahun 2008, seramai 2,062,596 orang pekerja asing telah didaftarkan dengan Jabatan Imigresen Malaysia, manakala bagi tahun 2009 pula, jumlah ini menurun kepada 1,918,146 orang.

Dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini tiada statistik untuk menunjukkan jumlah kekosongan yang berlaku diisi oleh pekerja tempatan. Statistik ini mungkin disimpan oleh Kementerian / Jabatan lain seperti Kementerian Sumber Manusia atau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

NO: 280

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | BUKAN LISAN |
| DARIPADA | : | DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI ( KUALA NERUS ) |
| NO. SOALAN | : | ~~289~~ |

**DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI ( KUALA NERUS )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah koperasi yang telah ditubuhkan dalam tempoh lima tahun dan apakah bentuk sokongan yang diberikan Kementerian bagi membantu koperasi berkenaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Dalam tempoh lima tahun iaitu antara 2005 – 2009 sebanyak 2,564 koperasi telah ditubuhkan iaitu pada kadar purata pertumbuhan 9.4% setahun. Sehingga penghujung tahun 2009 terdapat sejumlah 7,215 buah koperasi berdaftar di seluruh negara.

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyalurkan sokongan kewangan kepada koperasi-koperasi yang layak tidak kira yang baru mahupun yang telah lama ditubuhkan. Sokongan kewangan ini adalah dalam bentuk geran dan pinjaman mudah.

No: 281

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **BAGI BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus]** |
| **SOALAN** | : | **281** |

**YB Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan Kerajaan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Mahmud sebuah lapangan terbang antarabangsa dan sehingga kini berapakah penerbangan percubaan antarabangsa yang telah dibuat melalui lapangan terbang tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Lapangan Terbang Sultan Mahmud adalah sebuah lapangan terbang domestik dan buat masa ini Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai

perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang tersebut kepada Lapangan Terbang Antarabangsa.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan telah membenarkan beberapa penerbangan antarabangsa dikendalikan di lapangan terbang ini seperti berikut:-

(i) penerbangan kargo menggunakan pesawat B747 sempena sambutan *World Endurance Championship 2008* pada bulan Oktober dan November 2008 sebanyak 5 penerbangan;

(ii) penerbangan Haji pada tahun 2008/2009 menggunakan pesawat B747 sebanyak 18 penerbangan;

(iii) penerbangan *charter* ke Guangzhou, China menggunakan pesawat A320; dan

(iv) penerbangan berjadual ke Singapura sebanyak 3 penerbangan seminggu mulai bulan Julai 2009 dengan menggunakan pesawat ATR-72.

SOALAN NO : 282

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : BERTULIS

**DARIPADA** : Y.B DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
[KUALA NERUS]

**SOALAN** :

**Y.B DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyakkah plaza tol yang akan dibina di Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) yang dijangka beroperasi pada 2012. Bagaimanakah agihan pendapatan daripada tol dibuat, memandangkan projek tersebut dibiayai bersama termasuk Kerajaan Negeri Terengganu.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) dari Jabor, Pahang ke Kg. Gemuroh, Terengganu merupakan kesinambungan dari Lebuhraya Pantai Timur 1, iaitu dari Karak ke Kuantan sepanjang 169 kilometer yang telah siap dan dibuka pada tahun 2004. Projek pembinaan LPT 2 telah dimulakan pada bulan Mac 2006 dengan anggaran kos projek keseluruhan ialah sebanyak RM3.7 bilion, termasuk kos pengambilan tanah dan reka bentuk. Bagi merangsang industri pembinaan yang lembap ketika itu, Kerajaan telah memutuskan pembinaan projek mega ini melibatkan 16 pakej ditawarkan secara tender terbuka konvensional manakala 1 pakej lagi telah ditawarkan secara rundingan terus (reka dan bina) kepada MTD Capital Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPT 2 akan dibuka secara berperingkat-peringkat bagi pakej-pakej yang disiapkan pada tahun 2011. Sebanyak 10 plaza tol dan lain-lain kemudahan telah dirancang untuk dibina di sepanjang lebuh raya tersebut. Setakat ini, Kerajaan masih sedang mengkaji mekanisme penentuan kadar tol dan agihan pendapatan di LPT 2.

NW-283

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

KAWASAN : KUALA NERUS

NO. SOALAN : 283

Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan memandangkan tumpuan FDI masa kini di sekitar sama ada di Lembah Klang, Seremban, Melaka, Johor Bahru atau Pulau Pinang, bolehkah FDI ini disebarkan kepada negeri-negeri lain seperti Terengganu untuk menjana lagi aktiviti ekonomi setempat dan apakah usaha Kerajaan ke arah itu.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,
Bagi tempoh 2005 hingga Mac 2010, jumlah pelaburan yang diluluskan di dalam sektor perkilangan di negeri-negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pulau Pinang adalah sebanyak RM131.5 billion di mana RM83.9 (64 peratus) merupakan pelaburan asing.
Bagi negeri Terengganu, jumlah nilai keseluruhan pelaburan yang diluluskan di dalam sektor perkilangan dari tahun 2005 hingga Mac 2010 adalah sebanyak RM10.9 billion di mana RM6.2 billion atau 57 peratus adalah pelaburan asing. Sebahagian besar daripada nilai pelaburan di negeri Terengganu adalah di dalam sektor barangan logam asas, barangan plastik, barangan petroleum termasuk petrokimia, kimia dan barangan kimia dan kayu dan barangan kayu.

Tuan Yang DiPertua,

Usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan masuk ke Malaysia tidak tertumpu kepada daerah atau negeri tertentu. Namun begitu, antara langkah untuk menggalakkan pelaburan ke Terengganu adalah mengenal pasti Terengganu sebagai salah satu kawasan yang digalakkan di mana insentif istimewa ditawarkan. Kawasan digalakkan seperti termaktub di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986, terdiri daripada Negeri Perlis, Sabah, Sarawak dan Koridor Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor). Projek perkilangan yang ditempatkan di kawasan yang digalakkan ini layak mendapat pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% untuk tempoh 5 tahun atau elaun cukai pelaburan ke atas perbelanjaan modal sebanyak 100% selama lima tahun.

Pelbagai inisiatif lain juga telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke kawasan ini antaranya:

- mewujudkan kawasan perindustrian dengan prasarana yang baik seperti taman teknologi tinggi, kawasan perindustrian dan zon perindustrian bebas;
- menyediakan bekalan tenaga pekerja terutama pekerja mahir termasuk kewujudan institusi pengajian tinggi tempatan dan pusat penyelidikan berhampiran;
- menyediakan kemudahan rangkaian jalanraya dan kereta api yang efisyen;
- menyediakan terminal kargo udara dan laut yang berdekatan;
- menyediakan kemudahan utiliti asas seperti bekalan elektrik, air serta sokongan kemudahan telekomunikasi terkini; dan
- menawarkan galakan istimewa kepada para pelabur.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9, beberapa program dan projek telah diluluskan untuk pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang di mana sejumlah peruntukan telah diagihkan kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Antara projek yang telah mula dilaksanakan di negeri Terengganu adalah Taman Plastik Kerteh, Terengganu dan kelompok pengeluaran dan pemprosesan kambing, Ulu Tersat, Terengganu.

NO. AUM: ~~293~~

NO. AUP: 284

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [ SIPITANG ]** |
| **TARIKH** | **:** | |
| **RUJUKAN** | **:** | **2862** |

**SOALAN:**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [** Sipitang **]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah along yang dikenakan tindakan undang-undang sehingga kini dan pecahan mengikut negeri-negeri seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sipitang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi tempoh Januari 2005 sehingga Februari 2010, sejumlah **1122** kertas siasatan terhadap along telah dibuka. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **33** kes telah dituduh di mahkamah di atas kesalahan memberi pinjam wang tanpa lesen sah di bawah Seksyen 5(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, dua (**2**) kes dalam proses mengesan saspek bagi pelaksanaan waran tangkap, **602** kes masih dalam siasatan, **60** kes dalam tindakan Timbalan Pendakwa Raya dan **17** kes dirujuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Selain itu, sebanyak **408** kes telah dikategorikan sebagai *No Further Action* (NFA) oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil dan Timbalan Pendakwa Raya.

Di bawah undang-undang pencegahan pula, bagi tempoh yang sama, sebanyak **55** kes fail Along telah dibuka. Daripada jumlah tersebut seramai **21** along telah diambil tindakan di bawah Odinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) No. 5/69 dan **34** orang di bawah Akta Kediaman Terhad 1933. Jumlah along yang telah dikenakan tindakan undang-undang sehingga kini berdasarkan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

**STATISTIK KERTAS SIASATAN DI BAWAH AKTA PEMBERI PINJAM WANG (APPW) 1951 DARI JANUARI 2005 HINGGA APRIL 2010**

| NEGERI | JUMLAH KES DIBUKA | MASIH DALAM SIASATAN | MASIH DLM TINDAKAN TPR | TELAH RUJUK TPR TETAPI TANGKAPAN BELUM DIBUAT | JUMLAH DITUDUH DIMAHKAMAH | JUMLAH NFA | KES RUJUK KE KPKT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KUALA LUMPUR | 53 | 29 | 2 | 0 | 0 | 19 | 3 |
| SELANGOR | 169 | 107 | 7 | 0 | 2 | 51 | 2 |
| JOHOR | 208 | 101 | 8 | 0 | 2 | 97 | 0 |
| PULAU PINANG | 94 | 49 | 12 | 1 | 10 | 22 | 0 |
| MELAKA | 121 | 75 | 4 | 0 | 4 | 38 | 0 |
| NEGERI SEMBILAN | 223 | 72 | 6 | 1 | 1 | 134 | 9 |
| PERAK | 84 | 61 | 4 | 0 | 0 | 16 | 3 |
| KEDAH | 32 | 26 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 |
| PAHANG | 54 | 35 | 0 | 0 | 1 | 18 | 0 |
| TERENGGANU | 47 | 27 | 3 | 0 | 9 | 8 | 0 |
| KELANTAN | 3 | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| SABAH | 11 | 3 | 2 | 0 | 1 | 5 | 0 |
| SARAWAK | 20 | 13 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PERLIS | 3 | 2 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **1122** | **602** | **60** | **2** | **33** | **408** | **17** |

NO SOALAN:285

# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [ SIPITANG ]**

**SOALAN:**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklum balas dan laporan yang diterima berhubung KPI yang diperkenalkan bagi anggota perkhidmatan awam di negara ini.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Penilaian berasaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2008. Penjawat-penjawat yang terlibat dengan penilaian ini terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-ketua Perkhidmatan dan Ketua-ketua Pengarah Agensi Pusat.

Pelaksanaan KPI di kalangan Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam memberi impak yang positif dalam konteks mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Ini merupakan hasil pembangunan KPI bersifat strategik yang membantu agensi supaya lebih fokus dalam pelaksanaan tanggungjawab, pembudayaan amalan berprestasi tinggi serta penambahbaikan secara berterusan.

KPI Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam yang dibangunkan merangkumi tiga kelompok iaitu Tanggungjawab Seluruh Perkhidmatan Awam, Agensi Secara Spesifik dan Keberkesanan Peribadi. Kelompok Tanggungjawab Seluruh Perkhidmatan Awam merupakan inisiatif berbentuk tanggungjawab bersama (*shared responsibility*) yang dipikul oleh semua penjawat yang terlibat dalam meningkatkan daya saing negara dan memenuhi keperluan rakyat. Kelompok Agensi Secara Spesifik pula merupakan inisiatif-inisiatif dan program yang menjadi tanggungjawab spesifik setiap agensi yang diketuai. Manakala Kelompok Keberkesanan Peribadi merujuk kepada kualiti kepimpinan dan nilai-nilai teras yang ditonjolkan oleh setiap penjawat.

Bagi tujuan pengukuran, setiap kelompok prestasi dipecahkan kepada dimensi-dimensi prestasi. Bagi kelompok Tanggungjawab Seluruh Perkhidmatan Awam ia diukur menggunakan dimensi Daya Saing Negara. Bagi kelompok Agensi Secara Spesifik ia diukur menggunakan dimensi Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan dimensi Tadbir Urus dan Akauntabiliti. Manakala kelompok Keberkesanan Peribadi ia diukur menggunakan dimensi Kepimpinan Transformasi Perkhidmatan Awam.

Sasaran KPI ditetapkan pada awal tahun. Ia terbahagi kepada empat (4) tahap iaitu:

i. Tidak mencapai sasaran bermaksud dengan sumber sedia ada agensi gagal mencapai sasaran yang ditetapkan;
ii. Mencapai sasaran bermaksud dengan sumber sedia ada agensi berjaya mencapai sasaran ditetapkan;
iii. Melepasi sasaran bermaksud dengan sumber sedia ada agensi berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan; dan
iv. Sangat melepasi sasaran bermaksud dengan sumber sedia ada agensi sangat berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan.

Penilaian KPI tahun 2009 telah mencatatkan keputusan di mana enam (6) orang penjawat tidak mencapai sasaran, 14 orang penjawat telah mencapai sasaran, 15 orang penjawat telah melepasi sasaran dan seorang (1) penjawat telah sangat melepasi sasaran.

Oleh sebab matlamat KPI ialah untuk mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan sejajar dengan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan maka setiap penjawat dimaklumkan mengenai pencapaian masing-masing. Ini bagi membolehkan mereka memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti di samping mengekal dan mempertingkatkan pencapaian yang baik.

Sekian. Terima kasih.

No: 286

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

KAWASAN : SIPITANG

NO. SOALAN : 286

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

usaha yang dilaksana untuk membantu usahawan tempatan menembusi pasaran global, terutama dari segi pembungkusan untuk menentukan ia memenuhi piawaian antarabangsa.

**JAWAPAN**

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) terus komited dalam membantu membangunkan usahawan tempatan supaya berdaya saing di pasaran terbuka sama ada pasaran domestik atau antarabangsa melalui:

1) latihan keusahawanan;
2) promosi dan pemasaran;
3) perancangan dan penilaian; dan
4) pembangunan perniagaan.

Salah satu usaha MITI untuk meningkatkan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) supaya berdaya saing di pasaran terbuka sama ada pasaran

domestik atau antarabangsa, MITI telah melaksanakan Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai Program *Groom Big*. Objektif Program *Groom Big* adalah untuk membantu usahawan PKS Bumiputera dalam meningkatkan keupayaan produk mereka dari segi kualiti dan pembangunan produk serta perkhidmatan supaya memenuhi kehendak pasaran semasa dan memenuhi piawaian antarabangsa.

Bahagian Pembangunan Keusahawanan (BPU), MITI telah mengadakan kerjasama strategik bagi pelaksanaan Program *Groom Big* dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, Kementerian berkaitan, *Government Link Companies* (*GLCs*), dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan, pakar-pakar perniagaan dan institusi R&D, bagi membantu meningkatkan kualiti dan pembangunan produk usahawan tempatan.

Usahawan-usahawan PKS telah diberi penekanan dan pendedahan terhadap cara-cara dan ciri-ciri pembungkusan yang betul bagi memenuhi piawaian peringkat global. Ini termasuklah hal-hal berkaitan dengan rekabentuk pelabelan dan cara-cara pembungkusan mengikut trend semasa. Dengan cara demikian, usahawan-usahawan PKS dapat berdaya saing melalui penghasilan produk yang mempunyai ketahanan jangka hayat lebih lama, memenuhi citarasa antarabangsa dan menghasilkan produk yang berkualiti. Usahawan-usahawan yang mengikuti Program *Groom Big* memperolehi menafaat bagi mempersiapkan diri menghasilkan produk yang lebih berdaya saing dan berdaya maju di peringkat antarabangsa.

Aktiviti-aktiviti program sepanjang 2010 yang telah dirancang:

1) Mengadakan sesi seminar dan bengkel bagi Program *Groom Big* di peringkat zon Utara (Kedah), Selatan (Johor), Pantai Timur (Kelantan) dan Tengah (Selangor) dan Sabah sepanjang tahun 2010;

2) Mengadakan *Showcase Groom Big* di peringkat zon Utara (Kedah), Selatan (Johor), Pantai Timur (Kelantan) dan Tengah (Selangor) dan Sabah sepanjang tahun 2010;

3) Lawatan premis-premis usahawan yang telah mengikuti Program *Groom Big* bagi tujuan pemantauan dan penilaian; dan

4) Memberi lebih penekanan kepada *Research & Development (*R&D) ke atas produk usahawan dalam usaha pembangunan produk yang lebih berkualiti dan memenuhi permintaan pasaran semasa.

Untuk makluman, elemen-elemen lain dalam Program *Groom Big* adalah:

1) Peningkatan Kualiti;
2) Penjenamaan;
3) Pensijilan Halal MS 1500, HACCP, GMP dan ISO9000;
4) Penyelidikan dan Pembangunan;
5) Peluang Perniagaan;
6) Pemasaran;
7) Padanan Perniagaan;
8) Seminar dan bengkel;
9) Khidmat nasihat; dan
10) Program *Outreach* seperti *Showcase Groom Big.*

Agensi MITI iaitu MATRADE juga sentiasa meningkatkan usaha membantu usahawan tempatan menembusi pasaran eksport melalui empat fungsi utamanya iaitu:

1) Aktiviti promosi eksport

2) Program pembangunan pengeksport

3) Khidmat nasihat dan sokongan perniagaan, dan,

4) Maklumat pasaran dan perdagangan

Sejak 2004, setiap tahun MATRADE menganjurkan siri program "MATRADE Bersama Usahawan dan Pengeksport" di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan tujuan mewujudkan kesedaran mengenai keperluan dan persediaan usahawan mengeksport produk dan perkhidmatan, termasuk piawaian pembungkusan.

Sehingga Mei 2010, sebanyak empat program telah diadakan iaitu di Kuala Lumpur, Melaka, Kedah, dan Kelantan. MATRADE juga akan menganjurkan tiga lagi program yang sama bagi tahun ini iaitu di:

1) Kota Kinabalu, Sabah

2) Kuantan, Pahang

3) Miri, Sarawak.

MATRADE juga membuka booth di pameran-pameran perdagangan tempatan. Sehingga 31 Mei 2010, MATRADE telah menyertai 13 pameran perdagangan tempatan dan telah menerima 654 pertanyaan perdagangan.

Selain MATRADE, SME Corp. Malaysia turut membantu usahawan tempatan menembusi pasaran global, terutama dari segi pembungkusan untuk menentukan ia memenuhi piawaian antarabangsa. SME Corp. Malaysia dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan telah melaksanakan Program Pembangunan Jenama PKS mulai tahun 2009. Program ini telah diluluskan semasa Mesyuarat Ke-Tujuh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada 13 September 2007 yang

bertujuan untuk meningkatkan ketrampilan produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran tempatan dan antarabangsa. Inisiatif-inisiatif di bawah Program Pembangunan Jenama PKS adalah:

i) National Mark of Malaysian Brand;

ii) Branding Entrepreneurs Conference (BEC) 2010;

iii) Workshop on Brand Manual for Malaysian Brand Certification;

iv) Branding Innovation Centre; dan

v) Galeri Pembungkusan dan Penjenamaan Bergerak.

**SOALAN NO: 287**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**
**BAGI DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [ SIPITANG ]** |
| **TARIKH** | **:** | **DALAM TEMPOH DEWAN RAKYAT BERSIDANG** |

**SOALAN**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah proaktif untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat luar bandar yang menghadapi kesukaran mendapat siaran televisyen, terutama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat luar bandar yang menghadapi kesukaran mendapat siaran televisyen, terutama di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, RTM akan

menggunakan satelit ASTRO untuk menyiarkan program di TV1 (ASTRO 101), TV2 (ASTRO 102) dan Saluran Muzik Aktif (ASTRO 180).

Jabatan Penerangan pula merupakan salah sebuah jabatan di bawah KPKK yang mempunyai rangkaian Pejabat Penerangan Daerah (PPD) di 138 buah daerah di negara ini. PPD ini berfungsi sebagai saluran bagi menyampaikan pelbagai maklumat berkenaan dasar-dasar Kerajaan, isu-isu semasa dan kempen-kempen Kerajaan kepada rakyat khususnya kepada masyarakat luar bandar. Ia juga berperanan untuk menyampaikan pelbagai maklum balas, reaksi dan hasrat masyarakat setempat kepada Kerajaan. Peranan yang dimainkan oleh PPD ini dapat mendekatkan masyarakat setempat kepada Kerajaan melalui pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti bersemuka seperti ceramah dan aktiviti sivik.

Di samping itu, Jabatan Penerangan juga telah menyediakan kemudahan komputer berinternet di setiap Pusat Maklumat Rakyat (PMR) bagi memudahkan masyarakat setempat mendapatkan sebarang maklumat khususnya maklumat berkenaan dasar-dasar Kerajaan. Usaha juga sedang dijalankan supaya dengan peningkatan jalur lebar ke seluruh negara, internet protokol TV akan disajikan oleh beberapa Telco dan pemberi khidmat jalur lebar. Ini bermakna sesiapa yang memiliki telefon bimbit berisian 3G akan boleh menerima siaran TV tempatan.

No: 288

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Datuk Sapawi bin Haji Ahmad**

**[ Sipitang ]**

**SOALAN : 288**

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendekatan yang diambil bagi memajukan Kota Kinabalu sebagai hab penerbangan serantau, memandangkan kedudukan strategi dalam lingkungan BIMP-EAGA.

**Jawapan:**

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Sipitang, pendekatan yang diambil bagi memajukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai hab penerbangan serantau adalah seperti berikut:

(i) menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang merangkumi penaiktarafan bangunan terminal, pembinaan menara kawalan baru dan pemanjangan *taxiway* serta landasan;

(ii) pemberian insentif oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk mengadakan penerbangan ke lapangan-lapangan terbang di Malaysia termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Antara insentif yang diberikan adalah diskaun bagi caj pendaratan, caj parkir dan penempatan serta pengurangan caj perkhidmatan penumpang (*Passenger Service Charge* - PSC) khususnya untuk Terminal Tambang Murah Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu; dan

(iii) mengadakan lawatan-lawatan promosi ke negara Indonesia, Brunei dan Filipina oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) dan MAHB untuk menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara tersebut untuk mengadakan penerbangan ke Sabah dan Sarawak.

No: 289

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BAGI BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **Tuan Loke Siew Fook [Rasah]** |
| **SOALAN** | **:** | **289** |

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik terperinci jumlah penumpang yang dibawa oleh MAS dan AirAsia pada tahun 2009 mengikut pecahan Negara asal penumpang termasuk penumpang domestik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2009, jumlah penumpang MAS secara keseluruhannya adalah berjumlah 13.87 juta orang, di mana 7.37 juta orang merupakan penumpang antarabangsa dan 6.5 juta orang merupakan penumpang domestik. Manakala bagi AirAsia, jumlah penumpang antarabangsa adalah berjumlah 7,198,639 orang dan jumlah penumpang domestik adalah sebanyak 8,032,647 orang.

MAS dan AirAsia tidak mengumpul data berhubung kewarganegaraan penumpangnya memandangkan maklumat berhubung kewarganeraan tidak diperlukan semasa membuat tempahan tiket mahupun semasa mendaftar masuk.

Namun begitu, maklumat penumpang mengikut negara asal mungkin boleh didapati daripada Jabatan Imigresen Malaysia yang mempunyai rekod kemasukan warganegara asing ke Malaysia mengikut pecahan kewarganegaraan.

Nr-290(2)

SJ.B/(TULIS)/(24)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)** |
| **PERTANYAAN** | **:** | **BERTULIS** |
| **TARIKH** | **:** | **07.06.2010 – 13.07.2010** |

**Tuan Loke Siew Fook (Rasah)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai penuh semua projek yang dianugerahkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui kaedah rundingan terus *(Direct Negotiation)* sepanjang tahun 2009 dan 2010 setakat ini, nilai setiap projek tersebut, syarikat yang mendapat projek serta sebab-sebab syarikat tersebut dipilih.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa memberi penekanan supaya perolehan Kerajaan dilaksanakan secara tender selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dan mendapat nilai faedah terbaik dalam perolehan Kerajaan. Kaedah perolehan secara tender dapat memperkukuhkan

daya saing dan bina upaya syarikat tempatan memandangkan kontraktor perlu sentiasa berada di tahap kemahiran yang tinggi, menggunakan teknologi terkini serta disokong dengan keupayaan kewangan dan jalinan rangkaian yang kukuh untuk memenangi kontrak Kerajaan. Selain daripada tender, Kerajaan turut memberi **pilihan** kepada Kementerian/Jabatan yang ePerolehan (eP) *enabled* untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal yang eP *enabled* melalui kaedah perolehan secara *eBidding.*

2. Walaupun kaedah tender, sebut harga dan *eBidding* merupakan asas kepada pelaksanaan perolehan, rundingan terus hanya dilaksanakan bagi perolehan yang melibatkan aspek keselamatan dan strategik, pembekal tunggal, projek yang memerlukan kepakaran yang khusus dan melibatkan teknologi tinggi terutama sekali bagi projek-projek yang kompleks.

NO: 291

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B(TULIS)/(25)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **DARIPADA** | : | **TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)** |
| **PERTANYAAN** | : | **TULIS** |
| **TARIKH** | : | **07.06.2010 – 13.07.2010** |

**Tuan Loke Siew Fook (Rasah)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci hutang-hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia sama ada hutang dalam negara ataupun hutang luar negara, tempoh matang setiap hutang tersebut, kadar faedah dan lain-lain butiran.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus hasil daripada pendekatan pengurusan hutang yang berhemat dan pragmatik. Jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan sehingga Disember 2009 ialah RM362.4 bilion atau 53.3% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sebahagian besarnya iaitu RM348.6 bilion atau 96.2% adalah hutang dalam negeri manakala baki RM13.8 bilion atau 3.8% merupakan hutang luar negara.

# G1b

## Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Luar Negeri seperti pada 31 Disember 2008

*(Sambungan)*

| *Perihal* | *Kadar Faedah* | *Tarikh Tebusan* | *Amaun Dibenarkan Mata Wang Asing* | *Jumlah Terkumpul Keluaran Mata Wang Asing* | *Jumlah Terkumpul Bayaran Balik Mata Wang Asing* | *Amaun Belum Selesai Mata Wang Asing* | *Amaun Belum Selesai Ringgit Malaysia* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | % | | | | | | *RM* |
| **PINJAMAN PROJEK - (SAMB.)** | | | | | | | |
| *Dolar Amerika Syarikat - (Samb.)* | | | *USD* | *USD* | *USD* | *USD* | |
| *Bank Pembangunan Asia (g)* | | | | | | | |
| 1989 921 MAL Ladang Hutan Kompensatori II | *(h)* | 1994/2009 | 7,512,620.85 | 7,512,620.85 | 6,646,800.00 | 865,820.85 | 3,034,875.24 |
| 1990 980 MAL Sektor Kesihatan III | *(i)* | 1996/2009 | 105,000,000.00 | 105,000,000.00 | 91,895,100.00 | 13,104,900.00 | 45,935,295.48 |
| 1991 1068 MAL Pembangunan Luar Bandar Terengganu Utara Fasa I | *(i)* | 1996/2010 | 13,281,101.52 | 13,281,101.52 | 10,243,000.00 | 3,038,101.52 | 10,649,153.45 |
| 1991 1086 MAL Pengurusan dan Pembangunan Teknologi Perindustrian | *(i)* | 1996/2011 | 42,112,875.89 | 42,112,875.89 | 30,567,000.00 | 11,545,875.89 | 40,470,604.17 |
| 1992 1120 MAL Sektor Pengawalan Hakisan Pantai Negara | *(i)* | 1999/2018 | 29,345,630.75 | 29,345,630.75 | 8,073,700.00 | 21,271,930.75 | 74,562,371.66 |
| 1993 992 MAL Pembangunan Luar Bandar Semerak | *(i)* | 1997/2009 | 31,910,525.25 | 31,910,525.25 | 27,814,600.00 | 4,095,925.25 | 14,357,037.19 |
| 1993 1238 MAL Pembangunan Pertanian Bersepadu Pahang Barat II | *(i)* | 1999/2018 | 15,985,889.53 | 15,985,889.53 | 4,672,300.00 | 11,313,589.53 | 39,656,394.02 |
| 1994 1197 MAL Pemulihan dan Peningkatan Sistem Bekalan Air | *(f)* | 1997/2016 | 89,081,190.71 | 89,081,190.71 | 33,827,000.00 | 55,254,190.71 | 193,676,989.28 |
| 1995 1355 MAL Projek Pendidikan Teknik dan Vokasional | *(f)* | 2001/2020 | 58,448,803.73 | 58,448,803.73 | 11,969,000.00 | 46,479,803.73 | 162,921,008.03 |
| 1997 1500 MAL Projek Pencegahan Banjir dan Memperbaiki Alam Sekitar Lembangan Sungai Kelang | *(f)* | 2003/2011 | 8,374,824.95 | 8,374,824.95 | 4,396,468.26 | 3,978,356.69 | 13,944,935.87 |
| 1998 1596 MAL Projek Pendidikan Teknik | *(f)* | 2003/2017 | 32,876,858.42 | 32,876,858.42 | 7,212,923.50 | 25,663,934.92 | 89,957,224.68 |
| *Jumlah Bank Pembangunan Asia* | | | 433,930,321.60 | 433,930,321.60 | 237,317,891.76 | 196,612,429.84 | 689,165,889.07 |
| *Bank Pembangunan Islam (d)* | | | | | | | |
| 1994 2-MA-0051 Ternakan Haiwan (MARDI) | *(j)* | *(j)* | 1,651,689.42 | 1,651,689.42 | 1,421,773.67 | 229,915.75 | 805,900.69 |
| 1999 2-MA-0070 Pembiayaan Peralatan Hospital, Kementerian Kesihatan | – | 2002/2011 | 25,000,000.00 | 20,289,825.32 | 12,094,143.12 | 8,195,682.20 | 28,727,505.25 |
| 1999 2-MA-0075 Pembelian dan Pemasangan Kenderaan Pemadam Api | – | 2001/2011 | 26,630,000.00 | 26,036,202.27 | 14,965,200.01 | 11,071,002.26 | 38,806,077.12 |
| 2000 2-MA-0077 Universiti Malaysia Sabah | – | 2001/2011 | 20,160,000.00 | 19,635,662.25 | 6,567,647.60 | 13,068,014.65 | 45,806,004.95 |
| 2000 2-MA-0078 Universiti Teknologi Malaysia | – | 2002/2012 | 19,923,084.70 | 19,923,084.70 | 9,266,217.44 | 10,656,867.26 | 37,354,451.12 |
| 2003 2-MA-0088 Pembiayaan Peralatan Hospital, Kementerian Kesihatan Fasa II | – | 2005/2018 | 27,880,000.00 | 4,727,464.10 | 3,351,073.51 | 1,376,390.59 | 4,824,524.30 |
| 2004 2-MA-0094 Universiti Teknologi Malaysia Fasa II | – | *(j)* | 36,930,000.00 | 34,995,639.44 | – | 34,995,639.44 | 122,666,715.37 |
| 2006 2-MA-101 Universiti Malaysia Sabah Fasa II | *(j)* | *(j)* | 23,069,000.00 | – | – | – | – |
| 2006 2-MA-100 Universiti Islam Antarabangsa Fasa II | | | 28,471,000.00 | – | – | – | – |
| *Jumlah Bank Pembangunan Islam* | | | 209,714,774.12 | 127,259,567.50 | 47,666,055.35 | 79,593,512.15 | 278,991,178.80 |
| *Kerajaan Sepanyol - ICO (a)* | | | | | | | |
| 2003 Institut Sepanyol Malaysia | – | 2013/2045 | 5,900,000.00 | 5,900,000.00 | – | 5,900,000.00 | 20,680,680.00 |
| *Jumlah Kerajaan Sepanyol - ICO* | | | 5,900,000.00 | 5,900,000.00 | – | 5,900,000.00 | 20,680,680.00 |
| *Jumlah Dolar Amerika Syarikat* | | | 1,156,668,140.12 | 1,074,212,933.50 | 704,673,679.61 | 369,539,253.89 | 1,295,308,992.74 |

*(disambung...)*

*Nota:* *(a) Di bawah kuasa Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].*
*(d) Di bawah kuasa Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 [Akta 187].*
*(f) Berubah.*
*(g) Di bawah kuasa Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968 [Akta 410].*
*(h) Antara 9.400% hingga 12.593%.*
*(i) Antara 6.165% hingga 10.570%.*
*(j) Kadar faedah dan tarikh tebusan belum ditetapkan lagi.*

# G1b Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Luar Negeri seperti pada 31 Disember 2008

(Sambungan)

| Perihal | Kadar Faedah | Tarikh Tebusan | Amaun Dibenarkan Mata Wang Asing | Jumlah Terkumpul Keluaran Mata Wang Asing | Jumlah Terkumpul Bayaran Balik Mata Wang Asing | Amaun Belum Selesai Mata Wang Asing | Amaun Belum Selesai Ringgit Malaysia |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | % | | | | | | RM |
| **PINJAMAN PROJEK - (SAMB.)** | | | | | | | |
| *Dolar Kanada* | | | | | | | |
| *Kerajaan Kanada (a)* | | | *CAD* | *CAD* | *CAD* | *CAD* | |
| 1970 Pelan Lapangan Terbang Kebangsaan dan Kajian Pelan Induk Lapangan Terbang | – | 1979/2018 | 396,276.00 | 396,276.00 | 297,207.00 | 99,069.00 | 285,407.88 |
| 1985 Sistem Perkhidmatan Pelanggan Secara Automatik | – | 1994/2034 | 2,121,123.15 | 2,121,123.15 | 768,906.87 | 1,352,216.28 | 3,895,599.88 |
| *Jumlah Kerajaan Kanada* | | | 2,517,399.15 | 2,517,399.15 | 1,066,113.87 | 1,451,285.28 | 4,181,007.76 |
| *Jumlah Dolar Kanada* | | | 2,517,399.15 | 2,517,399.15 | 1,066,113.87 | 1,451,285.28 | 4,181,007.76 |
| *Franc Perancis* | | | | | | | |
| *Kerajaan Perancis (a)* | | | *FRF* | *FRF* | *FRF* | *FRF* | |
| 1994 1550 Institut Perancis Malaysia | 4.850 | 2000/2017 | 114,449,847.16 | 114,449,847.16 | 49,753,696.31 | 64,696,150.85 | 48,856,686.16 |
| *Jumlah Kerajaan Perancis* | | | 114,449,847.16 | 114,449,847.16 | 49,753,696.31 | 64,696,150.85 | 48,856,686.16 |
| *Protokol Kewangan Perancis (a)* | | | | | | | |
| 1983 1049 Stesen Janakuasa Pelabuhan Kelang | 10.000 | 1985/2008 | 144,183,716.32 | 144,183,716.32 | 144,183,716.32 | – | – |
| 1983 1051 Stesen Janakuasa Pelabuhan Kelang | 10.000 | 1984/2008 | 97,673,224.41 | 97,673,224.41 | 97,673,224.41 | – | – |
| 1983 1101/1104 Stesen Janakuasa Paka | 10.600 | 1984/2015 | 971,555,638.46 | 971,555,638.46 | 856,042,254.96 | 115,513,383.50 | 87,232,409.52 |
| 1985 0264 Sistem Kawalan Trafik Udara | 11.200 | 1985/2010 | 5,422,134.24 | 5,422,134.24 | 5,234,883.22 | 187,251.02 | 141,406.62 |
| 1986 0388 Pembangunan Lapangan Terbang Kota Kinabalu/Kuching | 2.500 | 1987/2017 | 7,822,808.10 | 7,822,808.10 | 6,396,846.93 | 1,425,961.17 | 1,076,845.17 |
| *Jumlah Protokol Kewangan Perancis* | | | 1,226,657,521.53 | 1,226,657,521.53 | 1,109,530,925.84 | 117,126,595.69 | 88,450,661.31 |
| *Jumlah Franc Perancis* | | | 1,341,107,368.69 | 1,341,107,368.69 | 1,159,284,622.15 | 181,822,746.54 | 137,307,347.47 |
| *Sterling* | | | | | | | |
| *Kerajaan United Kingdom (a)* | | | *GBP* | *GBP* | *GBP* | *GBP* | |
| 1984 Pinjaman 1983 United Kingdom/Malaysia Projek Sistem Videotex | Tiada | 1990/2008 | 850,641.54 | 850,641.54 | 850,641.54 | – | – |
| *Jumlah Kerajaan United Kingdom* | | | 850,641.54 | 850,641.54 | 850,641.54 | – | – |
| *Jumlah Sterling* | | | 850,641.54 | 850,641.54 | 850,641.54 | – | – |

Nota: (a) *Di bawah kuasa Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].*

*(disambung...)*

# G1b Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Luar Negeri seperti pada 31 Disember 2008

(Sambungan)

| Perihal | Kadar Faedah | Tarikh Tebusan | Amaun Dibenarkan Mata Wang Asing | Jumlah Terkumpul Keluaran Mata Wang Asing | Jumlah Terkumpul Bayaran Balik Mata Wang Asing | Amaun Belum Selesai Mata Wang Asing | Amaun Belum Selesai Ringgit Malaysia |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | % | | | | | | RM |
| **PINJAMAN PROJEK - (SAMB.)** | | | | | | | |
| *Yen* | | | *JPY* | *JPY* | *JPY* | *JPY* | |
| *Japan Bank for International Cooperation (a)* | | | | | | | |
| 2000 EDTP Projek Landasan Elektrik Berkembar Rawang - Ipoh | 1.700 | 2004/2014 | 39,666,467,610.00 | 36,834,793,962.00 | 14,922,702,000.00 | 21,912,091,962.00 | 850,189,168.13 |
| 2002 ICT - Fund Projek Dana Modal Teroka | 1.800 | 2007/2014 | 68,000,000,000.00 | 48,926,852,461.00 | 12,231,718,000.00 | 36,695,134,461.00 | 1,423,771,217.09 |
| *Jumlah Japan Bank for International Cooperation* | | | 107,666,467,610.00 | 85,761,646,423.00 | 27,154,420,000.00 | 58,607,226,423.00 | 2,273,960,385.22 |
| *Japan International Cooperation Agency (a)* | | | | | | | |
| 1990 MXIII-3 Projek Pembangunan Kawasan (Membasmi Kemiskinan) | 2.900 | 1997/2015 | 9,318,000,000.00 | 9,318,000,000.00 | 6,044,119,000.00 | 3,273,881,000.00 | 127,026,582.80 |
| 1992 MXIV-1 Projek Tabung Pinjaman Pelajaran Tinggi | 3.000 | 1999/2017 | 5,316,833,082.00 | 5,316,833,082.00 | 2,893,347,082.00 | 2,423,486,000.00 | 94,031,256.80 |
| 1992 MXIV-5 Projek Pembangunan Luar Bandar (Membasmi Kemiskinan) II | 3.000 | 1999/2017 | 10,949,000,000.00 | 10,949,000,000.00 | 5,918,394,000.00 | 5,030,606,000.00 | 195,187,512.80 |
| 1995 MXV-3 Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia | 3.000 | 2000/2018 | 8,203,021,961.00 | 8,203,021,961.00 | 3,799,181,961.00 | 4,403,840,000.00 | 170,868,992.00 |
| 1999 MXVII-1 Dasar Pandang Ke Timur | 0.750 | 2009/2039 | 14,026,000,000.00 | 11,941,340,407.00 | – | 11,941,340,407.00 | 463,324,007.79 |
| 1999 MXVII-2 Projek Empangan Beris *(k)* | 1.700 | 2009/2024 | 8,549,000,000.00 | 7,971,040,496.00 | 1,386,326,000.00 | 6,584,714,496.00 | 255,486,922.44 |
| 1999 MXVII-2A Projek Empangan Beris *(k)* | 0.750 | 2009/2039 | 1,188,000,000.00 | 598,816,418.00 | – | 598,816,418.00 | 23,234,077.02 |
| 1999 MXVII-4 Projek Pembangunan Universiti Malaysia Sarawak | 0.750 | 2009/2039 | 18,549,000,000.00 | 18,402,798,269.00 | – | 18,402,798,269.00 | 714,028,572.84 |
| 1999 MXVII-5 Tabung Industri Kecil dan Sederhana | 0.750 | 2009/2039 | 14,753,401,720.00 | 14,753,401,720.00 | – | 14,753,401,720.00 | 572,431,986.74 |
| 1999 MXVII-6 Projek Tabung Pinjaman Pelajaran Tinggi II | 0.750 | 2009/2039 | 5,285,000,000.00 | 4,953,207,613.00 | – | 4,953,207,613.00 | 192,184,455.38 |
| 1999 MXVII-7 Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor | 0.750 | 2009/2039 | 703,760,668.00 | 703,760,668.00 | – | 703,760,668.00 | 27,305,913.92 |
| 2000 MXVIII-2 Projek Pembetungan Negara | 0.750 | 2010/2040 | 48,489,000,000.00 | 44,403,160,158.00 | – | 44,403,160,158.00 | 1,722,842,614.13 |
| 2005 MXIX-1 Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor II | 0.950 | 2015/2045 | 82,040,000,000.00 | 1,249,748,686.00 | – | 1,249,748,686.00 | 48,490,249.02 |
| 2006 MXX-1 Projek Tabung Pinjaman Pelajaran Tinggi III | 0.950 | 2013/2031 | 7,644,000,000.00 | 2,526,237,273.00 | – | 2,526,237,273.00 | 98,018,006.19 |
| *Jumlah Japan International Cooperation Agency* | | | 235,014,017,431.00 | 141,290,366,751.00 | 20,041,368,043.00 | 121,248,998,708.00 | 4,704,461,149.87 |
| *Jumlah Yen* | | | 342,680,485,041.00 | 227,052,013,174.00 | 47,195,788,043.00 | 179,856,225,131.00 | 6,978,421,535.09 |
| *JUMLAH PINJAMAN PROJEK* | | | | | | | 8,424,709,386.41 |
| ***JUMLAH HUTANG AWAM LUAR NEGERI*** | | | | | | | 20,316,113,983.06 |

*Nota:* *(a) Di bawah kuasa Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].*
*(k) Satu pinjaman berjumlah ¥ 9,737,000,000.*

**NO.SOALAN:292**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)**

**SOALAN :**

**Tuan Loke Siew Fook (Rasah)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci senarai projek yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan mengikut kawasan Parlimen dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), nilai kos setiap projek tersebut serta tempoh pelaksanaannya.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai penuh projek yang akan dilaksana dalam tempoh dua tahun pertama RMKe-10 hanya akan dimuktamadkan pada akhir bulan Ogos 2010. Sehubungan itu, maklumat projek RMKe-10 dan kos termasuk projek yang dicadang dilaksana di Negeri Sembilan seperti yang dipohon oleh Y.B. Rasah hanya dapat dikemukakan selepas tarikh tersebut.

No. 293

NW. 293

SJ.B/(26)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)** |
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **TARIKH** | : | **07.06.2010-13.07.2010** |

**Tuan Loke Siew Fook (Rasah)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah premis Number Forecast Operators mengikut syarikat seperti Magnum, Sports Toto, Pan Malaysian Pools dan sebagainya di setiap negeri di seluruh negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat enam operator nombor ramalan (NFO) induk yang dilesenkan oleh Kerajaan iaitu Magnum Corporation, Sports Toto Sdn. Bhd., Pan Malaysian Pools, Sarawak Turf and Equestrian Club, Sandakan Turf Club dan Diriwan Corporation.

2. Pecahan jumlah permis ejen mengikut operator nombor ramalan adalah seperti berikut :

| Bil. | Operator | Jumlah Premis/Ejen |
|---|---|---|
| (a) | Sports Toto | 676 |
| (b) | Magnum Corporation | 485 |
| (c) | Pan Malaysian Pools | 343 |
| (d) | Diriwan Corporation | 40 |
| (e) | Sarawak Turf Club and Equestrian Club | 74 |
| (f) | Sandakan Turf Club | 40 |
| | **Jumlah** | **1658** |

**SOALAN NO: 294**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]**

**RUJUKAN : 22 [PR-1232-T38441]**

**SOALAN :**

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]** mi nta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah status penjualan unit kediaman di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dilancarkan pada hujung tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Rembau, setakat 25 Jun 2010, seramai **23,194 orang penyewa, atau 66% daripada 35,087 yang layak,** telah menyatakan minat mereka untuk membeli rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan ekonomi Negara (PPR MTEN) dan Perumahan Awam Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (PA DBKL).

Lanjutan daripada itu, surat tawaran telah diserahkan kepada 18,183 orang pembeli yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Setakat 25 Jun 2010, seramai **1,477 orang daripada mereka telah menandatangani surat perjanjian jual beli.**

Angka ini akan bertambah dari semasa ke semasa kerana kebanyakan pembeli sedang dalam proses menandatangani surat perjanjian jual beli dan mendapatkan pinjaman.

NO: 295.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN KHAIRY JAMALUDDIN** |
| **SOALAN** | **:** | **NO.295** |

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sambutan rakyat, khususnya ibu bapa, terhadap Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila ia dijadikan syarat wajib untuk permohonan PTPTN mulai 1 Januari 2008. Namun, apabila syarat wajib menyimpan di SSPN ditangguhkan pada 18 Mei 2009 ekoran daripada kegawatan ekonomi, sambutan terhadap SSPN telah menurun secara mendadak. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

**Jumlah Kutipan Deposit SSPN Sehingga 31 Mac 2010**

| Tahun | Kutipan Deposit (RM) | Deposit Terkumpul (RM) |
|---|---|---|
| 2004 | 3,040,170 | 3,040,170 |
| 2005 | 5,994,345 | 9,034,515 |
| 2006 | 13,858,542 | 22,893,057 |
| 2007 | 45,351,175 | 68,244,232 |
| **2008** | 128,122,135 | 196,366,367 |
| 2009 | 111,388,328 | 307,754,695 |
| 2010 * | 16,267,359 | 324,022,054 |

Catatan: * - Sehingga 31 Mac 2010

PTPTN pada masa ini sedang berusaha untuk menarik semula minat pendeposit SSPN dengan memantapkan lagi sistem pengurusan simpanan dan seterusnya mengadakan promosi secara besar-besaran bagi menanam budaya menyimpan di kalangan masyarakat. PTPTN juga akan melancarkan produk baru SSPN yang dijangka akan dapat memberikan manfaat yang lebih kepada penyimpan.

Sehingga 30 April 2010, PTPTN telah berjaya memungut deposit sebanyak RM335.93 juta daripada orang ramai dengan pembukaan sejumlah 923,418 akaun. Antara keistimewaan SSPN ialah:

i. pelepasan cukai ke atas simpanan bersih sehingga RM3,000 setahun;

ii. manfaat perlindungan insuran serta pampasan/khairat kematian diberi secara percuma;

iii. pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan;

iv. simpanan serendah RM20 pada bila-bila masa dan dijamin oleh kerajaan;

v. kadar dividen yang kompetetif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan;

vi. kemudahan menyimpan di lebih 1,400 ejen SSPN merangkumi Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank Berhad, Agro Bank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan Maybank; dan

vii. kemudahan simpanan melalui potongan gaji bagi kakitangan kerajaan dan swasta dan simpanan secara online melalui e-SSPN (Fpx) bagi pelanggan bank tertentu seperti Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Bank Berhad, Hong Leong Bank, Public Bank dan Maybank.

No. 296

**SIDANG DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KEDUA BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BERTULIS** |
| **DARIPADA** | **:** | **Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**<br>**[ REMBAU ]** |
| **SOALAN** | **:** | **296** |

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan memperkasakan syarikat-syarikat perusahaan baru atau *startup* dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) supaya dapat lebih berdaya saing dalam pasaran yang didominasi syarikat-syarikat ICT yang lebih besar.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan agensi dibawahnya termasuk **Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC)** dan **MIMOS**

telah membuat perancangan serta merangka beberapa inisiatif bagi memperkasakan syarikat perusahaan baru atau *start up*.

Dalam memastikan perancangan dan program pembangunan yang dilaksanakan berkesan dan menepati sasaran, **MDeC** telah melaksanakan program MSC Malaysia SCORE+ yang bertujuan untuk mengumpul data, membuat penilaian dan memberi pengkhususan bidang kepada semua syarikat berstatus MSC Malaysia. Program MSC Malaysia SCORE+ ini adalah berasaskan program SCORE yang dilaksanakan oleh SME Corporation.

Di bawah program SCORE+ ini, syarikat berstatus MSC Malaysia akan diberi penarafan 1 hingga 5 bintang mengikut tahap daya-saing syarikat. Berdasarkan kepada pengkhususan bidang, penilaian yang dibuat adalah dari segi kewangan, inovasi, pengurusan, pembangunan modal insan, pemasaran, pentadbiran dan operasi serta prestasi perniagaan.

Pada tahun 2009, program SCORE+ menunjukkan bahawa majoriti syarikat-syarikat MSC Malaysia berada dalam lingkungan 2 bintang hingga 2.5 bintang dan purata minimum adalah 2.12 bintang. Daripada 874 syarikat yang dinilai, sebanyak 23% syarikat mencapai 3 hingga 4 bintang dan syarikat-syarikat ini merupakan syarikat berprestasi tinggi (*top performers*). Manakala, sebanyak 29% syarikat MSC Malaysia ini berada di antara 1.5 bintang ke bawah dan merupakan syarikat bertaraf awal (*early-stage*).

Berdasarkan kepada penarafan bintang dan pengkhususan, MDeC dapat mengenal pasti jenis-jenis bantuan, program pembangunan seperti peningkatan kemahiran dan keupayaan, sesi-sesi khidmat nasihat oleh pakar-pakar dan pemimpin industri dan juga galakan pelaburan yang bersesuaian untuk membantu syarikat-syarikat MSC Malaysia ini. Antara bantuan dan program pembangunan yang disediakan MDeC untuk syarikat-syarikat bertaraf awal (*early-stage*) ini termasuk:

- Bantuan kewangan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) seperti Dana *Pre-Seed*, Skim Geran R&D (MGS) dan Penyelidikan dalam Bidang Strategik (STAR);
- Bantuan kewangan untuk bidang multimedia dan kreatif seperti Dana Produksi Bersama (Co-Production) MSC Malaysia dan Dana Inisiatif Kandungan Industri Bumiputera;
- Bantuan teknikal melalui Program Pembangunan Keupayaan MSC Malaysia yang menyediakan program pensijilan dan akreditasi untuk syarikat berstatus MSC Malaysia meningkatkan mutu produk, kemahiran dan kepakaran;
- Bantuan teknikal dan kemudahan infrastruktur seperti Program Pusat Pengkomersialan MSC Malaysia yang menyediakan kemudahan makmal teknologi dan program pembangunan Inkubator;
- Program khidmat nasihat seperti *coaching* dan *mentoring*, dialog, bengkel dan forum seperti Program Usahawan ICT Bumiputra dan Program MSC Malaysia Mentor;
- Program penggalakan pelaburan seperti MSC Malaysia *InnoTech* yang menyediakan platform dan memberi khidmat nasihat kepada

syarikat bertaraf awal untuk mengemukakan idea perniagaan mereka kepada pelabur modal teroka (*venture capitalist*) dalam dan luar negara serta pembiayaan alternatif seperti dana, geran dan *soft loan* dari agensi kerajaan dan institusi kewangan.

**MIMOS** sebagai sebuah agensi penyelidikan dan pembangunan R&D di dalam bidang ICT di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, memainkan peranan yang aktif dan inovatif dalam usaha penjanaan teknologi baru dan terkini selaras dengan perubahan teknologi dunia yang pesat dan pantas. Teknologi-teknologi yang dibangunkan ini seterusnya akan dipindahkan kepada Syarikat Penerima Teknologi (*Technology Recipient - TR)* yang dilantik bagi membolehkan mereka membangunkan produk dan kemahiran juga penyelesaian *(solution)* mengikut keperluan sektor negara serta kehendak pasaran di dalam dan luar negara.

Bagi memastikan teknologi-teknologi yang dibangunkan ini memiliki perlindungan hak ekonomi serta mampu dipasarkan serta bersaing di peringkat global, MIMOS secara agresif melindungi penemuan baru teknologi sebagai harta intelek menerusi pemfailan harta intelek di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dengan adanya perlindungan ini, produk-produk yang akan dihasilkan oleh syarikat-syarikat TR telah mendapat perlindungan sewajarnya terutama di peringkat global.

Selain daripada itu, berdasarkan teknologi yang dibangunkan, MIMOS mendemonstrasikan teknologi yang telah dibangunkan kepada aplikasi atau produk dengan melaksanakan Pembuktian Konsep (*Proof of Concept)* bagi menyelesaikan masalah penyesuaian teknologi (*technology adaptation)* di pasaran tempatan.

Bagi industri kandungan kreatif, MOSTI telah memperkenalkan Tabung Pembangunan Industri Kandungan atau *eContent Fund* bagi membantu syarikat-syarikat kecil atau individu yang mempunyai idea / kreativiti yang berpotensi untuk dikomersilkan, membangun dan mengembangkan potensi dan idea kandungan kreatif mereka.

Dengan adanya geran ini, banyak syarikat kecil telah berjaya menghasilkan produk kandungan kreatif yang mempunyai nilai IP yang tinggi. Ada di antara produk-produk *eContent* ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pembeli dan pengedar di peringkat antarabangsa. Terdapat juga produk-produk *eContent* yang telah mula mendapat pengiktirafan dan anugerah di peringkat antarabangsa. Setelah melihat keupayaan Syarikat Malaysia menghasilkan produk kandungan kreatif yang berkualiti, terdapat beberapa syarikat utama antarabangsa ingin mengadakan usaha sama dengan Syarikat Malaysia dalam menghasilkan produk kandungan kreatif terutama menerusi *co-production.*

**SOALAN NO. 297**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (BN) (REMBAU)**

**TARIKH : 7 JUN 2010 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Khairy Jamaluddin (BN) (Rembau)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan anggaran jumlah individu yang diberi khidmat kaunseling di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat setiap tahun dan apakah isu dan permasalahan yang lazim diutarakan oleh mereka yang memohon bantuan kaunseling ini.

**JAWAPAN :**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada golongan yang memerlukan termasuklah kaunseling individu, kaunseling kelompok, kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan. Bagi tahun 2009, seramai 2979 orang individu telah mendapat khidmat kaunseling JKM

Isu dan permasalahan yang diutarakan oleh individu-individu berkenaan yang memohon bantuan kaunseling adalah isu-isu kekeluargaan yang berpunca dari konflik yang wujud dalam keluarga itu sendiri seperti konflik kewangan, seks dan peranan ahli keluarga. Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada pelbagai masalah akibat daripada konflik tersebut. Ini termasuk masalah keganasan rumah tangga, poligami, perceraian, tuntutan nafkah, perebutan hak jagaan anak, komunikasi dalam keluarga dan perebutan harta sepencarian.

Selain dari itu isu dan permasalahan berkaitan kanak-kanak dan remaja juga diutarakan. Ini termasuk isu-isu keruntuhan akhlak dan tingkah laku liar remaja, penyalahgunaan dadah, ketagihan dan pergaulan bebas. Permasalahan psikososial juga merupakan isu di kalangan kanak-kanak dan remaja, yang membawa kepada masalah seperti kemurungan, kesunyian dan kebimbangan.

**SOALAN NO : ~~307~~ 298**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**
**DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]**
**TARIKH :**
**SOALAN :**

**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada wujud sebarang perancangan Kerajaan untuk menambah jumlah wad kelas satu di hospital-hospital Kerajaan bagi menampung permintaan yang tinggi dari kalangan rakyat.

**Tuan Yang Dipertua,**

Di dalam merancang pembinaan hospital baru Kementerian Kesihatan memang mengambilkira skop keperluan kemudahan yang akan dibina secara terperinci bagi setiap hospital termasuklah keperluan bilangan katil dan pembahagian mengikut kelas satu, dua dan tiga. Kementerian Kesihatan maklum akan kekurangan katil wad kelas 1 di sebahagian hospital-hospital sedia ada yang perlu ditambah dan dinaiktaraf.

Sehubungan itu, projek-projek naiktaraf hospital sedia ada mengambilkira keperluan tambahan katil kelas satu ini bersama-sama dengan skop keperluan kemudahan klinikal dan sokongan yang lain. Pelaksanaan projek-projek naiktaraf hospital akan dijalankan secara berperingkat selaras dengan peruntukan yang disediakan untuk Kementerian ini.

**NO. AUM : 308**

**NO. AUP :** 299

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN JAWAB LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN HAJI MATULIDI B. HJ. JUSOH [ DUNGUN ]** |
| **TARIKH** | **:** | |
| **RUJUKAN** | **:** | **2883** |

**SOALAN:**

**Tuan Haji Matulidi B. Hj. Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan penagih dadah yang telah ditangkap bermula Januari 2010 hingga Mei 2010 dan apakah langkah-langkah yang diambil terhadap penagih dadah yang terlibat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Dungun** yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod yang dikeluarkan oleh Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) bagi bulan Januari 2010 hingga Mac 2010, seramai 3,611 penagih telah ditangkap iaitu 2,628 penagih baru dan 983 penagih berulang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, negeri Kelantan mencatatkan jumlah penagih baru paling tinggi iaitu seramai 351 penagih baru bagi Januari 2010 hingga Mac 2010.

Sementara itu, daripada 2,628 penagih baru yang ditangkap bagi Januari 2010 hingga Mac 2010, seramai 2,553 adalah lelaki iaitu 97.1% manakala di kalangan wanita adalah seramai 75 orang iaitu 2.9%.

Antara langkah-langkah yang diambil terhadap penagih dadah yang terlibat adalah seperti berikut :

1. Pendekatan rawatan dan pemulihan melalui modaliti Teraputik Komuniti (TC) di semua PUSPEN;

2. Memberi latihan dalam pelbagai bidang kemahiran kepada penghuni PUSPEN seperti kursus automotif, kursus kenderaan motor dan kursus seni bina, kursus dengan

kerjasama GIAT MARA Malaysia semasa menjalani program di PUSPEN;

3. Menubuhkan Kelompok Sokong Bantu Keluarga (*family association)* di PUSPEN untuk membantu penghuni melalui proses pemulihan;

4. Melantik bekas-bekas penagih dadah menganggotai Kumpulan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) untuk membantu usaha-usaha pemulihan di dalam PUSPEN; dan

5. Melaksanakan Program Khidmat Masyarakat seperti gotong-royong, mengecat rumah OKU / Orang Tua dan membersihkan kubur sebagai persediaan kepada penghuni sebelum dibebaskan dari PUSPEN dan dapat mengintegrasikan penghuni PUSPEN ke dalam masyarakat.

Manakala bagi program-program pemulihan yang dilaksanakan di dalam komuniti adalah seperti berikut :

1. Mengadakan program rawatan menggunakan model matriks bagi kes-kes pengawasan dalam komuniti di hampir semua pejabat AADK Daerah. Ianya berperanan untuk membantu

pemulihan penagih dadah serta mewujudkan peranan keluarga untuk bersama membantu pemulihan;

2. Melaksanakan pengurusan kes (Case Manager) bertujuan memberi panduan dan bimbingan kepada penagih secara teratur dan berkesan serta sedar tanggungjawab terhadap program komuniti;

3. Melaksanakan program penempatan kerja untuk bekas-bekas penagih yang sedang menjalani program pemulihan lanjutan / pengawasan dalam komuniti dalam kerjasama syarikat-syarikat swasta;

4. Melaksanakan program rawatan terapi gantian menggunakan Metadon sebagai rawatan alternatif kepada penagih dadah jenis Opiat di 24 Pejabat AADK Daerah/ Pusat Khidmat AADK dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia;

5. Mewujudkan 6 buah rumah komuniti bagi menggerakkan komuniti setempat melibatkan diri membantu kes-kes pengawasan / bekas penagih dengan menyediakan penempatan bagi kes-kes yang tersisih dan memerlukan bantuan supaya dapat mengikuti program-program bagi tujuan mengekalkan kepulihan;

6. Memperkasa sistem sokongan sosial bagi menggerakkan masyarakat sivil untuk bersama mengukuhkan sistem sokongan sosial dalam komuniti melalui penubuhan dan penglibatan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan seperti PENDAMAI, PENGASIH dan PEMADAM; dan

7. Mengadakan kursus psiko-pendidikan kepada ibu bapa, penagih / bekas penagih untuk memberi kefahaman dan kemahiran kepada mereka dalam mengawasi dan mengambil tindakan segera untuk mengelakkan anak-anak daripada terjebak semula dalam penyalahgunaan dadah;

 No: 300

**PEMBERITAHU PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA**
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : **TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH**
**[ DUNGUN – BN ]**

**SOALAN NO. 300**

**Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun – BN ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil kepada persatuan-persatuan belia yang kurang aktif dan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan konsep 1Belia 1Kampung.

**JAWAPAN**

1. Kementerian sentiasa melaksanakan langkah yang proaktif untuk memastikan keseluruhan persatuan belia yang telah didaftarkan dapat bergerak secara aktif di seluruh negara. Bagi memastikan persatuan belia sentiasa bergerak aktif Kementerian telah mengaplikasikan falsafah persatuan belia sebagai 'Rakan Kongsi' dalam pelaksanaan program pembangunan belia. Kementerian turut menyediakan dana berbentuk bantuan aktiviti kepada persatuan belia dan dana ini adalah berdasarkan kepada permohonan serta tertakluk kepada peruntukan sedia ada.

2. Buat masa sekarang, Kementerian belum berhasrat untuk melaksanakan program 1 Belia 1 Kampung. Ini kerana pada masa ini Kementerian sedang giat mempromosikan usaha untuk mewujudkan persatuan belia di semua peringkat komuniti belia menerusi pelaksanaan konsep **1Komuniti 1Persatuan.**